AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 31 | RABU 31 JULAI, 1985. | رابو 13 ذولقعده 1405 | PERCUMA

## Ahli J/Kuasa dan peserta perayaan dirai:

# KEBAWAH D.Y.M.M. MELAHIRKAN RASA KEGEMBIRAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan meraikan kira-kira 10,000 orang peserta-peserta dalam satu majlis jamuan yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini Isnin lepas.

Sebahagian besar rakyat dan penduduk yang menghadiri majlis tersebut ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Jawatankuasa Kecil Hari Perayaan, penuntut-penuntut sekolah dan maktab, ahli-ahli daripada berbagai pertubuhan, firma-firma serta kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara yang terlibat dalam menjayakan perayaan pada tahun ini.

Berangkat sama ke majlis pada hari itu ialah Putera Baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

### PENGHARGAAN TERIMA KASIH

Majlis jamuan yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah merupakan sebagai penghargaan serta terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada mereka semua yang telah terlibat menjayakan hari keputeraan Baginda Yang Dipertuan.

Seperti yang lazimnya, setiap tahun menjelang 15 Julai iaitu tarikh hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, berbagai acara perayaan dipersembahkan oleh rakyat dan penduduk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk yang menghadiri majlis jamuan tersebut. Turut menyerikan suasana majlis ialah persembahan permainan pancaragam yang dipersembahkan oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kelihatan gembira bersama peserta-peserta yang menghadiri jamuan di Istana Nurul Iman. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO/Pg. Haji Yaakub.

## Ucapan tahniah

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Maumoon Abdul Gayoom, Presiden Republik Maldives bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Maldives pada 27 Julai 1985.**



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat menyaksikan Perarakan Kenaikan Bercucul di Sungai Brunei. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

## Berangkat saksikan perarakan cucul

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyaksikan Perarakan Kenaikan Bercucul di Sungai Brunei pada malam Isnin lepas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Lihat muka 24

## T-jawab semua pihak mempastikan kepercayaan rakyat kepada K'jaan tidak diganggu-gugat

# NEGARA MANTAP DENGAN SOKONGAN RAKYAT

— Pengarah Penerangan

PEKAN TUTONG. — Faktor utama yang memungkinkan negara kita terus-menerus mantap ialah adanya sokongan rakyat secara berterusan kepada Kerajaan khasnya kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Demikian ditegaskan oleh Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam majlis Perjumpaan Penerangan dengan sekumpulan kakitangan-kakitangan kerajaan di Daerah Tutong pada hari Sabtu yang lalu.

Pengarah Penerangan itu mengulangi pendapat yang telah beliau bentangkan dalam perjumpaan dengan penduduk-penduduk Mukim Kiudang dalam daerah tersebut yang menyertai Lawatan Penerangan di ibu negara dua hari sebelumnya.

Asas sokongan rakyat itu, menurut Yang Dimuliakan Pehin, ialah fahaman dan kepercayaan yang mereka ada mempunyai kerajaan yang bukan sahaja mampu memberikan perkhidmatan-perkhidmatan dan mengelingai hal-ehwal rakyat bahkan Kerajaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan layak memberikan kepimpinan yang diperlukan untuk menerajukan negara ke arah matlamat yang betul, selamat dan diredai Allah.

Pengarah Penerangan seterusnya menegaskan bahawa kepercayaan rakyat terhadap kerajaan seperti yang ada selama ini tidak semestinya menurut cara serta saluran yang diamalkan oleh negara-negara lain.

Lihat muka 3

### MANISNYA IMAN

"ORANG-orang yang mengerjakan kejahatan, kemudian bertaubat sesudah itu dan beriman; sesungguhnya Tuhan kamu sesudah taubat yang disertai dengan iman itu adalah maha pengampun lagi maha penyayang." — Makna ayat 153, Surah Al-A'raaf.

Pelita Brunei

31 JULAI, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SOKONGAN RAKYAT YANG BERTERUSAN : ASAS KERAJAAN YANG BERWIBAWA

KEUTUHAN negara kita dalam mengekalkan serta memelihara kemantapan sosio-ekonomi serta sosio-politik sejak dahulu hingga ke era merdeka lagi penuh berdaulat adalah berpunca dari sikap kepimpinan yang sihat serta sokongan rakyat dan penduduk yang berterusan. Dua faktor ini tidak dapat dipisahkan kerana hasil persefahaman dari kedua belah pihak makanya wujud sebuah kerajaan yang berwibawa.

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengelinga serta memeduli kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan rakyat di samping terus membangun dan meneroka bidang-bidang baharu khususnya dalam perhubungan antarabangsa, di dalam dan di luar negeri, telah memungkinkan kita semua berkehidupan dalam suasana yang harmoni serta tenteram. Kita mampu untuk memikul tanggungjawab sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat sepenuhnya dalam sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Kemantapan yang berterusan dan kemajuan yang telah kita capai itu adalah berkat sokongan rakyat yang tali-temali dari dahulu hingga sekarang khasnya kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Sokongan yang berterusan dan teguh ini kita sandarkan kepada fahaman serta kepercayaan rakyat bahawa mereka mempunyai kerajaan yang berwibawa yang selama ini sudah banyak memperlihatkan ungkayah-ungkayah berkebajikan bukan saja dinikmati oleh mereka sendiri malah dirasai oleh anak-anak serta keluarga-keluarga mereka lainnya, di samping kepimpinan Baginda yang menerajukan negara ke arah matlamat yang lurus, bisai, teratur lagi diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Memang, selama ini pun kita menikmati kehidupan yang harmoni. Jadi, tidak ada sebab yang munasabah untuk kita semua akan mengurangkan sokongan yang berterusan ini selama mana kepimpinan itu terus-menerus berkesan dan berwibawa.

Hubungan antara kerajaan dengan rakyat yang sudah terjalin erat ini memanglah dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa bersesuaian dengan setiap perkembangan semata-mata jua bagi rakyat memperolehi maklumat yang tepat serta lengkap mengenai dengan hal-ehwal negara dan kerajaan dengan pemikiran untuk mengelakkan daripada sebarang kesangsian dan sangkaan-sangkaan yang membawa kepada fahaman yang keliru.

Hal ini dapat kita lihat dengan perlantikan beberapa orang pegawai kanan untuk bertindak selaku Pegawai Perhubungan Kementerian-kementerian, yang akan dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai hal-ehwal kerajaan dan negara, untuk disalurkan kepada media massa yang ada di negara ini dengan harapan ia akan dapat disampaikan kepada kita semua. Semua ini dihasratkan agar rakyat mengetahui dasar-dasar kerajaan selama mana pegawai-pegawai perhubungannya akan mampu mengetengahkan dasar-dasar tersebut di samping mendengar maklum balas daripada mereka.

Perkembangan serupa ini tambah mencabar kerana kita akan tambah komitet yang mendorong kita untuk bersikap lebih memeduli di samping kesediaan kita yang berkekalan untuk terus memberikan sokongan bagi mempastikan kemantapan kerajaan kita terus menerus berkesan dan yang berwibawa.

# PELAJAR DARI MALDIVES MENUNTUT DI IPSHB

GADONG. — Seramai 49 orang pelajar baru telah memulakan kurusus perguruan mereka di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, pada minggu lalu.

Pelajar-pelajar tersebut termasuklah dua orang penuntut dari Republik Maldives yang menerima biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (Biasiswa Sultan Hassanal Bolkiah). Penuntut-penuntut itu ialah Mohamed Shakoor berusia 27 tahun dan Dayang Wafa Waheed berusia 23 tahun.

Mereka berdua merupakan penuntut luar negeri yang pertama mengikuti kursus perguruan di Institut tersebut.

Dalam pada itu, kursus sarjana muda pendidikan bahagian rendah peringkat satu juga bermula minggu lepas di mana seramai 33 orang daripada 36 orang yang mengikuti kursus sebelum peringkat ijazah telah berjaya meneruskan pengajian keperingkat tersebut selama dua tahun.

IPSHB dewasa ini sedang meneruskan kursus meninggikan taraf bagi seramai 75 orang guru-guru Sekolah Rendah Kerajaan. Kursus selama setahun itu bermula pada Januari lepas dan akan berakhir Disember ini.



DAYANG Wafa Waheed 23, semasa melaporkan diri di IPSHB. — Gambar Ak Abu Bakar PHO.

## NAIK PANGKAT

BERAKAS. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sukacita memaklumkan kenaikan pangkat seorang Mejar dan enam orang Kapten Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mejar Pengiran Dato Hasnan bin Pengiran Ahmad dari Unit Tentera Udara (Sultan Flight) dinaikkan pangkat Pemangku Leftenan Kolonel mulai 1 Julai lalu. Beliau telah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejak 25 Mei, 1965.

Sementara itu, enam orang Kapten telah dinaikkan kepada pangkat Mejar bermula 21 Jun, 1985. Mereka ialah 64 Kapten Haji Noordin bin Haji Ahmad dan 68 Kapten Mohd. Daud bin Haji Jamil dari Batalion Kedua, 65 Kapten Aluis bin Haji Suhaili dari Pusat Latihan, 66 Kapten Mahaleh bin Haji Abd. Majid dan 71 Kapten Haji Jamaludin bin Gafar dari Tentera Laut, serta 68 Kapten Suhaili bin Haji Abang dari Batalion Pertama. Kesemua mereka telah berkhidmat dengan angkatan tersebut sejak 31 Disember 1973.

## Alamat Baru Kedutaan Jerman

KEDUTAAN Persekutuan Republik Jerman memaklumkan bahawa alamat pejabat kedutaannya yang baru ialah Lot 49 — 50, Jalan Sultan, Tingkat 6, Peti Surat 3050, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam atau nombor telefon 25547/25574. Segala perhubungan dan pertanyaan hendaklah ditujukan ke alamat tersebut.

# Perarakan tanglung berjalan kaki dan kereta berhias di Tutong

TUTONG. — Beribu-ribu orang telah datang bagi menyaksikan perarakan tanglung berjalan kaki, kereta dan basikal berhias serta pakaian anekaragam pada malam 28 Julai lepas di daerah ini.

Perarakan yang diadakan ini adalah salah satu acara untuk memeriahkan lagi suasana sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun bagi Daerah Tutong.

Lebih seribu orang telah menyertai perarakan tersebut yang terdiri dari peserta sekolah-sekolah, persatuan-persatuan belia, jabatan-jabatan kerajaan dan kampung-kampung.

Perarakan tersebut bermula di kawasan lapang berdekatan Dewan Kemasyarakatan daerah itu seterusnya mengelilingi Pekan Tutong dan berakhir di padang Sekolah Melayu Muda Hashim.

Di antara yang hadir bagi menyaksikan perarakan pada malam itu termasuklah Pegawai Daerah Tutong Abd. Aziz bin Mohammad dan isteri serta pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang lain.

Di malam itu juga, keputusan penuh bagi perarakan tersebut telah diumumkan oleh Pengerusi Perarakan Kereta, Basikal Berhias dan Pakaian Anekaragam bagi Daerah Tutong, Awang Haji Abang bin Haji Abd. Rani, yang mana; Bahagian Belia-belia telah dimenangi oleh Persatuan Belia Melayu Keriam (PESAKA), tempat kedua dimenangi oleh Persatuan Pemuda-Pemudi Kampung Lamunin dan ketiga dimenangi oleh Persatuan Danau (PEMDA).

Bahagian Sekolah Menengah, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah muncul sebagai johan dan naib johan pula dimenangi oleh bahagian penuntut-penuntut asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim. Manakala bahagian sekolah rendah; tempat pertama dimenangi oleh Sekolah Inggeris Kerajaan Tutong Kem dan tempat kedua Sekolah Rendah Kerajaan Pengiran DipaNegaraPengiranJaya Sengkarai.

Semantara itu perarakan kereta berhias tempat pertama telah dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya Tutong dan tempat kedua Jabatan Telekom Tutong, manakala bahagian perseorangan tempat pertama dimenangi oleh kereta berhias yang dimiliki oleh Awang Mahali bin Ahmad dan tempat kedua kereta yang dimiliki oleh Awang Metali bin Jaafar.

Bahagian basikal berhias tempat pertama dimenangi oleh Awang Rahim bin Haji Ibrahim dan kedua dimenangi oleh Awang Azrin bin Bolhassan. Seterusnya bahagian pakaian anekaragam tempat pertama dimenangi oleh Awang Zainal Ariffin bin Jakar dan tempat kedua dimenangi oleh Mohd. Karatolo bin Haji Abang.

Selain dari itu, perarakan yang diiringi oleh Pancaragam Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pada malam itu juga telah menerima persembahan-persembahan dari Bandar Seri Begawan dan persembahan tarian singa dari Masyarakat Tionghua di Daerah Tutong.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang pada malam tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Mohammad dan Penolong Pegawai Daerah Tutong serta pegawai-pegawai kerajaan adalah di antara yang hadir di Perarakan Tanglung Berjalan Kaki, Kereta dan Basikal Berhias dan Pakaian Anekaragam di daerah itu. Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

### Sistem berkementerian :—

# K'JAAN DAPAT MEMBERI PERHATIAN KHUSUS KPD BIDANG-BIDANG TERTENTU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Susunan baharu pentadbiran dengan mengikuti sistem berkementerian telah membolehkan kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih khusus kepada bidang-bidang tertentu menurut Kementeriannya.

Demikian Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman memberitahu sekumpulan penduduk Mukim Kiudang dari Daerah Tutong yang menyertai majlis Lawatan Penerangan di ibu negara anjuran Jabatan Penerangan pada hari Khamis lepas.

"Perubahan yang dibuat itu adalah mencabar keupayaan rakyat negara ini khasnya pegawai-pegawai Kerajaan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan dalam era baru kemerdekaan di mana tanggungjawab Kerajaan semakin bertambah dan rakyat serta penduduk semakin menaruh harapan dan berbagai jangkaan terhadap kerajaan," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Maklumat mengenai susunan baharu itu, katanya telah disebarkan kepada orang ramai yang mana mereka mendapati mudah memahaminya dan menyambutnya dengan baik.

Orang ramai tegas Yang Dimuliakan Pehin lagi tidak terjejas dengan perubahan itu sebab pada praktiknya ia setakat mengumpulkan beberapa jabatan tertentu dengan meletakkannya di bawah Kementerian menurut fungsi satu-satu Kementerian.

Bercakap mengenai kesan perubahan itu setakat ini, Yang Dimuliakan Pehin menegaskan bahawa dalam tempoh yang singkat semenjak pencapaian semula kemerdekaan, negara kita terus-menerus menikmati kemantapan dalam semua bidang di samping terus membangun dan meneroka bidang-bidang baharu khususnya dalam perhubungan antarabangsa.

Hal itu, menurutnya, adalah menandakan keupayaan dan kelayakan kita untuk memikul tanggungjawab sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat sepenuhnya.

— Dalam lawatan peserta Taklimat Mukim Kiudang ke Jabatan Penerangan, mereka telah diberikan taklimat oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd Safar serta seterusnya mendengarkan taklimat mengenai struktur pentadbiran jabatan serta suasana pentadbiran Kerajaan sebelum dan sesudah merdeka yang telah disampaikan oleh Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim, Pemangku Penolong Pegawai Penerangan.

Selepas itu mereka telah dibawa melawat ke Pelabuhan Muara di mana ketibaan mereka telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengawal Pelabuhan, Pengiran Halid bin Pengiran Mohammad.

Di sebelah petang penduduk Mukim Kiudang telah mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Salleh bin Haji Hidup di Lapangan Terbang Lama Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan, Awang Haji Salleh bin Haji Hidup (tiga dari kiri) dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan kementerian itu ketika beramah mesra dengan peserta-peserta Taklimat Mukim Kiudang bertempat di Bilik Mesyuarat, Kementerian Pembangunan, Berakas.



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika berucap kepada peserta-peserta Taklimat Mukim Kiudang.



PESERTA Taklimat Mukim Kiudang ketika mendengar penerangan daripada Pemangku Pengawal Pelabuhan-Pelabuhan, Pg Halid bin Pg Mohammad semasa peserta-peserta itu mengadakan lawatan ke Jabatan Pelabuhan, Muara.

# Rakyat dan K'jaan sentiasa berdamping rapat

Dari muka 1

"Ini ialah kerana rakyat dan kerajaan dalam sistem yang kita amalkan selama ini sedia mempunyai hubungan yang rapat dan lagi harmoni dan saling mempercayai terhadap satu sama lain," katanya.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin lagi, sebagai menghargai kepercayaan rakyat itu kerajaan sentiasa membuktikan sikapnya yang mengambil kira kepentingan sebenar rakyat dan negara dalam jangka panjang menerusi berbagai-bagai langkah serta dasar yang ternyata telah mendatangkan berjenis-jenis kebajikan kepada rakyat dan negara.

Sokongan rakyat kepada kerajaan itu, tegas Yang Dimuliakan Pehin, bukanlah sokongan yang diberikan secara bermusim. Sama juga halnya perkhidmatan dan kepimpinan kerajaan kepada rakyat bukanlah menurut musim yang diberikan berdasarkan muslihat-muslihat jangka pendek.

Terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh setengah-setengah orang mengenai



YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin

kerajaan yang ada bukan kerajaan pilihan rakyat, Pengarah Penerangan menganggap persoalan tersebut tidak relevent dalam kedudukan di mana rakyat dan kerajaan sudah sedia dan sentiasa berdamping rapat serta bersefahaman.

"Lain halnya jika kerajaan yang memerintah merupakan kuasa asing, atau mengamalkan polisi yang bertentangan dengan kepentingan negara dan rakyat, dan rakyat pada keseluruhannya merasakan hal-ehwal mereka diabaikan," katanya.

"Tetapi yang nyata kerajaan dan rakyat di bawah sistem yang berjalan selama ini saling bersefahaman tanpa menaruh kecurigaan terhadap satu sama lain," tegas Pengarah Penerangan lagi.

Berikutan daripadanya, menurut Yang Dimuliakan Pehin, negara kita terus-menerus mantap dan rakyat dapat menikmati berbagai-bagai kebajikan serta kesejahteraan yang sukar didapati oleh rakyat di setengah-setengah negara walaupun mereka itu dari semasa kesemasa telah memilih kerajaan masing-masing untuk memerintah.

Kerana itu, Yang Dimuliakan Pehin percaya, tidak ada sebab yang kuat bagi sokongan rakyat kepada kerajaan akan kurang atau rakyat sendiri akan senghaja mengendurkan sokongan mereka itu selama mana kerajaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan terus-menerus berkesan dan berwibawa.

Untuk menjamin kerajaan akan terus-menerus berkesan dan berwibawa, Yang Dimuliakan Pehin menyeru supaya semua pihak berwaspada mempastikan agar asas sokongan rakyat iaitu kepercayaan mereka kepada kerajaan tidak diganggu-gugat.

"Sebarang ketidakpuasan terhadap kerajaan adalah perkara biasa, tetapi ia tidak semestinya dilaratkan menjadi galorat, kalaupun menjadi galorat namun kita tentu boleh mengikhtiarkan jalan-jalan mengatasinya menurut cara yang sesuai dengan sistem kita selaku bangsa yang teguh berugama dan beradap sopan," tegas Pengarah Penerangan.

Mereka adalah kumpulan pertama dalam siri majlis Perjumpaan Penerangan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Awang Yussof bin Ladi, Penolong Pegawai Penerangan dan diikuti dengan ceramah Susunan Pemerintahan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar.

Para peserta kemudian berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Di antara yang hadir di perjumpaan itu ialah Pegawai Daerah Tutong dan Penolong Pegawai Daerah Tutong.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-287

# PUAK BATINIYYAH

## Siri ke-14



Helah mereka mengajak pada mazhab Batiniyyah

BERKATA Ad-Dailami pengarang kitab Qawa'idu Aqa'idu Ali-Muhammad (Al-Batiniyyah): Ketahuilah tujuan mereka mengajak orang pada mazhab Batiniyyah ialah supaya orang Islam keluar dari ugama Islam dengan cara beransur-ansur, tetapi mereka tiada menyatakan tujuan mereka dengan terang-terang dalam negeri Islam, tetapi membuat helah bagi sampai pada tujuan mereka iaitu dengan menggunakan cara sembilan helah satu lepas satu iaitu rezqun dan tafarrus (meramalkan keadaan seseorang), ta'nis (berlemah lembut dengan seseorang), tasykik (mendatangkan keraguan kepada seseorang), ta'lik (menggantungkan satu perkara dengan satu perkara), rabt (mengikat satu perkara dengan satu perkara), tadlis (menipu), ta'sis (membuat dasar), khala dan maskh (mengeluarkan seseorang dari satu keadaan ke satu keadaan).

### Helah pertama

Iaitu rezqun dan tafarrus iaitu mereka berkata: "Sayugialah bagi pendakwah itu orang yang cerdik, baik tekanya, ini boleh dicapai dengan tiga perkara:

1. Hendaklah ia tahu membezakan di antara yang diharap dapat boleh menerima apa yang didengarkan kepadanya daripada orang yang menolak dan enggan menerimanya. Barangkali seseorang itu tiada dapat dilucutkan apa jua iktikad hatinya, dari itu jangan dia membuang masa sia-sia kepadanya.

2. Hendaklah ia baik tekanya, cerdik pada menukarkan zahir kepada batin, sama ada dengan menggunakan pecahan-pecahan perkataan, bilangan-bilangan angka dan perbandingan-perbandingan yang sesuai, sehingga jika tiada ia mahu mendustakan Al-Quran dan hadis-hadis, maka ia tarik orang itu seboleh-bolehnya pada mendustakan Al-Quran dan hadis atau sedekat-dekatnya dengan menggunakan perkataan-perkataan yang mengelirukan.

3. Jangan ia ajak tiap-tiap orang dengan cara yang satu, bahkan ia siasat akan keadaannya dan cenderung hatinya, jika orang itu sukakan dunia, maka ia menekankan bahawa beribadat itu suatu perkara yang bodoh, zuhud dan wara' itu perkara kurang akal dan menjalankan ibadat suatu perkara sia-sia dan yang lebih baik bagi seseorang yang berakal itu menghabiskan umurnya dengan membuat apa yang ia suka dalam dunia ini sebelum habis umurnya, jika orang itu berugama, dia bawa orang itu pada tujuannya dari pihak mazhab orang itu jika dia orang Syi'ah, dia menzahirkan kepadanya mulia dan tinggi kehormatan ahlil bait Rasulullah itu, dan dia zahirkan sedih bahawa imam-imam mereka telah kena zalim dan aniaya, begitulah, ia buat pada orang-orang tiap-tiap mazhab daripada orang Islam dan lain daripada mereka daripada orang Yahudi dan Nasrani, kerana mazhab Batiniyyah diambil dari berbagai-bagai bid'ah dan kufur supaya senang mereka mengajak semua puak.

### Helah kedua

Iaitu ta'nis. Hendaklah ia menzahirkan kepada orang yang diajak itu dengan katakatanya, dan kelakuannya, yang boleh menarik pada dakwahnya itu, dari pihak telah kita sebutkan dahulu. Kemudian dia zahirkan kepadanya berbagai-bagai pengetahuan dan ayat-ayat Quran dan kata-kata yang manis dan sedap didengar.

### Helah ketiga

Tasykik iaitu helah memasukkan syak di dalam hati: Iaitu cara mendatangkan soalan-soalan kepada orang itu dari katakata syarak dan dari ayat Al-Quran yang tiada jelas tujuannya, mengapa disuruh mandi kerana keluar air mani, dan dari kencing, berak disuruh wuduk, padahal kencing dan berak lebih keras najisnya dari mani, mengapa disuruh perempuan mengqadakan puasa tiada diqadakan sembahyang, padahal kedua-keduanya wajib, mengapa disuruh jauhkan pandangan dari perempuan merdeka tiada dari perempuan hamba, mengapa syurga delapan pintu, dan neraka itu tujuh pintu? Dan darihal haji, melontar jumrah, ihram, tawaf dan lain-lain mengapa mereka memuliakan perkara-perkara itu? Mereka mengadakan soal-soal itu dengan tujuan memasukkan syak akan ugama Islam kepada orang oleh pihak penyoal dengan pertanyaan mengapa? Apa sebab begini? Apa sebab begitu dan seumpamanya.

### Helah keempat

Iaitu ta'liq, apabila pendakwah itu bertanya kepada orang itu akan perkara-perkara seperti yang tersebut itu, maka ia ajak orang itu mengetahui perkara itu, apabila orang berkenaan itu ingin mengetahui perkara-perkara itu, dia berkata kepada orang itu jangan lekas awak hendak mengetahuinya, kerana ugama Allah itu tiada sayugia hendak diberikan kepada tiap-tiap seorang, dan Nabi-nabi dan Rasul-rasul telah mengikat janji kepada umat-umatnya pada berpegang dengan ajaran-ajaran mereka, lalu pendakwah itu membacakan ayat Al-Quran berkenaan Nabi-nabi dan Rasul-rasul mengikat janji dengan umat-umat mereka seperti ayat Al-Quran surah Al-A'araf ayat 169 yang bermaksud: "Apa tiadakah diadakan perjanjian kitab di atas mereka, bahawa mereka tiada boleh berkata terhadap Allah, melainkan dengan yang sebenarnya."

### Helah kelima

Iaitu rabt, mengikat janji dan mengikat sumpah dengan orang yang diajak itu: Iaitu bersumpah dengan nama Allah, nama Rasulullah, Malaikat dan Rasul-rasul untuk merahsiakan segala apa yang didengar dan akan didengar, dan apa yang telah diketahui dan akan diketahuinya tentang dirinya (pendakwah) tentang ketua yang berpengkalan di negeri ini iaitu Al-Mahdi dan segala perkara rakan-rakan dan kawan-kawannya dan orang rumahnya yang taat setia kepadanya. "Jangan kamu bocorkan sama ada sedikit atau banyak selain daripada apa yang telah dizahirkan oleh ketua yang berpengkalan di tempat ini. Dan kamu mesti ikut tiada lebih tiada kurang, kamu mengucap dua kalimah syahadat dan kamu naik saksi bahawa syurga dan neraka itu benar, dan kiamat akan datang dan Allah akan menghidupkan orang mati dan kamu sembahyang, keluarkan zakat, puasa dan mengerjakan haji, dan kamu berjihad pada apa yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya, dan kamu menyokong wali-wali Allah dan kamu memusuhi seteru-seteru Allah, dan kamu menjalankan perintah-perintah Allah dan perjalanan Rasulullah, zahirkan dan berterang-terang dan bersulit-sulit, dan janji ini jangan kamu mungkiri sama ada batin zahirnya, dan saya minta awak sembunyikan apa yang saya nyatakan kepada awak, dalam perkara menta'wilkan kitab Allah."

Dan ta'wil menta'wilkan sesuatu, dan ta'wil segala yang dibawa oleh Nabi-nabi menurut syarat-syarat yang tersebut, awak mesti sempurnakan janji dan sumpah setia awak itu, dan hendaklah mengaku menerimanya dan berkata, "Ya." Apabila orang itu berkata, "Ya," pendakwah berkata kepadanya: "Jangan awak bocorkan sesuatu pun dari sumpah ini, sama ada awak dalam keadaan marah, keadaan reda, keadaan suka dan keadaan takut, dan apa jua keadaan sehingga awak jumpa Allah, dan saya mengambil sumpah daripada awak bahawa awak tiada pecah amanah dan khianat kepada seseorang wali Allah dan kepada sesiapa yang ada dalam kumpulan kita ini, sama ada pada nyawa dan harta, pada pendapat dan pada janji dan sumpah, jika awak pecah amanah pada sesuatu dan awak tahu pecah amanah itu maka awak lepas daripada tanggungan Allah. Katakan olehmu: "Ya". Maka pendakwah berkata kepadanya: "Awak lepas daripada hukum bagi yang melanggar sumpah daripada Tuhan seru sekalian alam, terlepas daripada rasul-rasul-Nya dan terlepas daripada malaikat-malaikat-Nya dan daripada Al-Quran dan lepas dari Taurat, Injil dan Zabur, lepas daripada sekalian orang menjadi kekasih Allah dan awak sudah keluar dari parti Allah, dan parti Rasul-Nya dan parti penyokong-penyokong-Nya, awak masuk dalam parti syaitan dan kawan-kawannya dan awak akan dibiarkan Allah dan awak akan menerima azab balasan-Nya dan masuk neraka, awak lepas daripada Allah, dan awak kena laknat Allah macam laknat yang dikenakan ke atas iblis, awak akan tiada dapat masuk syurga dan awak akan dimasukkan ke dalam neraka, kiranya ingkarkan sesuatu dari janji-janji dan sumpah-sumpah ini. Awak akan berjumpa Allah dan Allah murkakan awak pada hari kiamat dan awak wajib bernazar di atas awak pergi Haji 30 Haji, dengan nazar yang wajib tiada diterima daripada awak melainkan awak tunaikannya dan jika awak menyalahi sesuatu dari yang tersebut, maka segala apa yang awak miliki dari waktu awak menyalahi, semuanya itu jadi sedekah kepada orang-orang fakir dan miskin dan tiap-tiap bini awak yang ada dan akan ada jika menyalahi semuanya jadi tertalak tiga dan segala hamba awak laki-laki perempuan jika awak menyalahi semuanya menjadi merdaheka (bebas). Dan segala ahli awak dan harta awak semuanya jadi haram kepada awak."

"Saya menjalankan sumpah ke atas awak bagi pihak imam awak dan awak bersumpah kepadanya, jika niat lain, maka sumpah ini dari awalnya hingga akhirnya tetap mesti di atas awak dan Allah jadi saksi, hendaklah awak berkata: "Ya". Maka ia berkata: "Ya".

Cubalah kita lihat bagaimana mereka menyalahi ayat Al-Quran yang menyuruh menerangkan hukum-hukum ugama Islam kepada manusia, tetapi mereka suruh sembunyikan ugama Allah daripada manusia. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 159 yang bermaksud, "Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayat, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu, dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk." Tafsir ringkasnya: "Allah melaknat orang-orang yang menyembunyikan hukum-hukum Allah setelah Allah terangkan kepada manusia."

### Helah keenam

Iaitu Tadlis: Iaitu ia berkata kepada orang itu bahawa perkara ugama bukan mudah, tetapi rahsia Allah yang sulit, tidak boleh dijalankan melainkan imam yang disokong dialah jalan kepada ilmu Nabi An-Natiq (imam tinggi mereka), dan wahyu itu ialah Al-Asas pada mereka. Setengah dari helah mereka, mereka memuliakan akan zahir syarak sebagaimana tersebut dalam sumpah pada helah kelima. Supaya jangan orang itu sangka jahat kepadanya. Setengah daripada helah itu mengajak orang kepada imam yang sulit (Ahlil Bait) supaya tertarik pada menyebut Ahli Bait padahal tujuannya imam daripada anak cucu Maimun Al-Qaddah imam mereka yang telah lalu sebutannya itu yang melaun (dilaknat) mereka kata imam mereka mastur (sulit) supaya jangan orang mencari imam itu di mana ia ada? Apa rupa sifatnya dan apa keadaannya dan apa helah tipu dayanya?

### Helah ketujuh

Iaitu ta'nis iaitu membuat suatu pendahuluan yang membayangkan tiada menolak perkara zahir dan tiada menolak perkara batin, kerana hendak menarik orang kepada jalan mereka. Pendakwah itu berkata zahir itu kulit dan batin itu isi, zahir itu hanya suatu perkara tanda, bayangan dan isyarat, dan batin itu ialah yang dimaksudkan seperti erti sembahyang, puasa dan lain-lain lagi.

### Helah kelapan

Al-Khal'u minad-din: Iaitu membuang ugama: Iaitu ia berkata kepada orang itu bahawa gunakan zahir itu ialah bagi memahamkan isi kandungan batin, bukan kerana beramal dengannya (zahir), mereka kata tiada ada erti apa yang dikatakan oleh orang-orang yang memegang perkara zahir (Az-Zahiriah), mesti beramal dengan zahir, bahkan beramal dengan zahir itu adalah suatu jahil dan bodoh, dan sebenarnya ialah mengetahui yang batin bukan yang zahir, bila orang yang diajak masuk Batiniyyah itu, mengetahui akan batin, maka gugurlah daripadanya hukum zahir, itulah yang dikehendakkan kata mereka dalam firman Allah surah Al-A'araf ayat 157 maksudnya: "Dan Ia yakni (juga) menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka," itu ialah perintah taklif yang berat seperti sembahyang, puasa dan lain-lain hukum Syarak, begitu juga berhenti dari larangan Allah yang nafsu manusia gemar membuatnya, manakala seseorang itu mengetahui erti-ertinya tiadalah berfaedah pada menjauhi larangan Allah itu, bahkan larangan Allah semuanya itu halal boleh dibuat. (Mereka buat bohong pada ayat Al-Quran, mereka tukar erti ayat kepada tujuan dan maksud mereka).

### Helah kesembilan:

Al-Insilakhu minad-din iaitu keluar dari ugama iaitu mereka apabila nampak orang yang diajak pada Batiniyyah suka menyahut ajakan mereka, mereka berkata: "Sekarang saya telah halalkan awak dari ikatan dan saya lepaskan dari belenggu awak itu dan halal bagi awak dan kawan-kawan awak, membuat apa larangan di atas manusia yang kecewa (orang yang beriman dengan Islam)." Mereka berdalilkan ayat Al-Quran surah Al-Maidah ayat 5 yang bermaksud: *"Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu."* Maka apabila orang mukmin itu telah naik pangkatnya kepada darjah yang lebih tinggi dari darjah Al-Imam maka gugurlah daripadanya segala amal tiada payah puasa, tiada payah sembahyang, tiada payah haji dan tiada payah berjihad dan tiadalah haram di atasnya sesuatu dari makanan, minuman, pakaian dan perempuan dan lain-lain lagi dari berbagai-bagai kufur boleh dibuat. La'anahumullahu Ta'ala.

(Dipetik dari kitab Qa'idu I'tiqadi Ali-Muhammadin)

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Dua orang lagi memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang pemuda berbangsa Filipina Awang Lester Domonic J. Logarta 27 tahun telah memeluk ugama Islam pada 12 Julai yang lalu di rumah Awang Haji Mohammad bin Haji Jeruddin Kampong Sungai Matan, Jalan Kota Batu. Beliau telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof dan kini dikenali sebagai Awang Muhammad Yusri bin Abdullah.

Sementara itu, pada 14 Julai yang lalu satu majlis yang sama juga telah diadakan di rumah Awang Zaini bin Mohd Yassin bertempat di Kampung Telanai. Majlis tersebut adalah bagi pengIslaman seorang gadis keturunan China Dayang Chia Siew Lin berusia 24 tahun. Dayang Chia Siew Lin yang berasal dari Pekan Muara telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan seorang guru Ugama, Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd Ghani dan telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Siti Hawa binti Abdullah.

Kedua-dua majlis tersebut telah diserikan dengan persembahan zikir marhaban dan telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

# MENUNTUT ILMU WAJIB KE ATAS UMAT ISLAM




BERTAKWALAH ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Islam adalah satu-satunya ugama yang mewajibkan umatnya supaya sentiasa rajin menuntut ilmu pengetahuan sama ada golongan lelaki atau perempuan, kecil besar, tua muda, ertinya menuntut ilmu dalam Islam ini bermula dari peringkat buaian sehinggalah ke liang lahad. Begitulah kesungguhan Islam memerintahkan umatnya dalam menuntut ilmu. Timbul dalam hati kecil kita mengapa sedemikian halnya Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu itu? Secara ringkas bolehlah dijawab bahawa ilmu pengetahuan itu adalah sesuatu yang memberi kebajikan, sebagai tanda takutkan Allah dan buat mengingati tentang kebesaran-Nya, sebagai petunjuk kepada jalan yang lurus, penerang hati dari kegelapan, ilmu pengetahuan juga dapat menjauhkan seseorang dari mempunyai sifat-sifat sombong, hasad dengki dan ingkar akan kekuasaan Allah — juga ilmu itu merupakan teman di waktu sunyi, senjata untuk melawan musuh. Sabda Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bermaksud :

"*Belajarlah ilmu pengetahuan, sesungguhnya mempelajarinya tanda takutkan Allah dan menuntutnya suatu ibadat. Dan mengingatinya sebagai tasbih, dan membincangkannya sebagai jihad dan mengajarkannya kepada yang tidak mengetahuainya adalah sedekah. Dan memberikannya kepada ahlinya adalah ketaatan, kerana ia adalah alat mengenal perkara-perkara yang halal dan haram, dan tanda jalan ahli-ahli syurga dan penjinak semasa liar, dan teman di kala sunyi, dan teman bercakap di masa kekosongan dan petunjuk jalan di dalam masa kesenangan dan kesusahan. Dan senjata ke atas musuh-musuh, penghias pada yang miskin. Allah mengangkat kaum-kaum dengannya lalu menjadikan ketua tentang kebajikan diikut jejak langkah mereka dan diikuti perbuatan-perbuatan mereka, para malaikat suka pada mendampingi mereka. Dan mereka senyap-senyap menyentuhnya, dan meminta doa ke atas mereka setiap yang basah dan yang kering. Ikan-ikan laut dan binatang-binatang liarnya, dan binatang liar di darat dan binatang-binatang jinak. Kerana ilmu pengetahuan adalah penerang hati dari kejahilan, suluh dari kegelapan, seorang hamba mencapai tempat yang baik dan kedudukan yang tinggi di dunia dan di akhirat dengan ilmu pengetahuan. Dengannya disambung tali persaudaraan, dan dengannya diketahui perkara halal dan haram dan ia adalah kepala perbuatan-perbuatan dan perbuatan adalah pengikutnya menyampaikan yang bahagia dan mengharamkan yang jahat.*"

Begitulah hakikat Islam mewajibkan menuntut ilmu itu. Untungnya menuntut ilmu itu sudah jelas di hadapan kita, tidak perlu dipertikaikan lagi.

Kemudahan Islam mengaturkan tujuan menuntut ilmu itu, apakah tujuannya menuntut ilmu dalam Islam? Jawabnya secara ringkas :

1. Menuntut ilmu itu untuk melaksanakan perintah-perintah Allah yang memfardukan umat Islam menuntut ilmu.
2. Untuk digunakan dalam menghadapi hidup ini. Kerana tanpa ilmu pengetahuan tidak mungkin seorang itu akan selamat dan berjaya.
3. Untuk mengeluarkan diri seorang dari kegelapan dan menuju cahaya kebenaran.
4. Untuk berdakwah ke jalan Allah.

Inilah yang kita pentingkan. Tujuan dan niat menuntut ilmu itu bukan untuk mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat semata-mata atau hanya untuk mendapat pangkat jawatan yang tinggi, bukan! Tetapi di samping untuk matlamat-matlamat keduniaan itu, yang lebih asasi ialah supaya kita mengerti dan faham dan tahu mana jalan yang betul dan mana pula yang salah, mana yang hak dan mana pula yang batil iaitu dengan panduan dan bimbingan daripada ilmu pengetahuan yang kita pelajari dan dapat itu.

Mudah-mudahan peringatan ini berguna kepada penuntut-penuntut ilmu pada khususnya dan masyarakat pada umumnya.

## Menunaikan haji bukan kerana lambaian

"*DAN serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang kepada (rumah binaan) Mu dengan berjalan kaki dan dengan berkenderaan atas berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh*" Surah Al-Haj ayat 27.

### *Menuju keredaan Allah*

Ibadah haji merupakan rukun kelima bagi umat Islam yang diwajibkan ke atas mereka yang berupaya dalam segala hal, yang cukup syarat-syaratnya, seperti perjalanan yang aman, kesihatan dan perbelanjaan semasa berpergian dan perbelanjaan orang-orang yang dalam tanggungannya. Kewajipan ini hanya dituntut sekali sahaja seumur hidup sebelum mati. Ini tidaklah semestinya dituntut kepada semua orang Islam, tetapi hanya yang mampu seperti yang dinyatakan di atas. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 97 yang bermaksud: "*Dan menjadi kewajipan bagi manusia terhadap Allah berhaji ke Kaabah itu, yakni orang yang sanggup mengunjunginya di antara mereka.*" Maka itu tidak ada alasan bagi orang yang berharta dan berkemampuan tidak mahu pergi haji. Apakah pergi menunaikan fardu haji itu perlu adanya 'lambaian' atau 'seruan' sudah sampai atau belum? Tidak ada terdapat dalam tuntutan syarak mengenai perkara tersebut. Mungkin bagi peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha beralasan jika pergi haji projek atau rancangan mereka tidak ada orang yang diharap menguruskannya, atau khuatir perusahaan tidak berjalan dengan lancar.

Ada pula di antara kita khuatir bila sudah pergi haji segala perbuatan sebelum itu tidak lagi boleh dibuat, atau bererti kebebasan sosial yang menyeronokkan selama ini tidak boleh diulang lagi, kalau dulu pergi pesta boleh minum minuman keras, menari berpelukkan, pergi keluar negeri dengan mengunjungi kelab-kelab malam sambil berunding tentang 'bisnis,' semuanya ini mungkin tidak boleh dibuat lagi kerana mereka beranggapan demi menjaga imej sebagai seorang haji. Maka itu biarlah puas-puas dulu sementara masih muda dan sesudah hampir tua nanti baru bertaubat dan pergi haji, tambahan pula dalam masa perniagaan tengah naik tidak ada masa untuk memikirkan soal haji dan mungkin pula soal akhirat. Begitu juga dengan pegawai-pegawai, ketua-ketua dalam mana-mana jabatan dan swasta dan mana-mana syarikat dan lain-lain, jika setakat berfikir menunggu waktu yang terluang dan senang mungkin tidak akan ada dalam anggaran secara zahirnya. Tetapi kita manusia selalu silap, kerana kita lemah di sisi Tuhan, ajal tidak menentukan saat-saat kematian, sejauh manakah kita akan bertahan menunggu masa terluang, masa senang untuk berbuat demikian, mengenai hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengingatkan; sebagaimana berdasarkan hadis Ibnu 'Abbas r.a. riwayat Ahmad, Baihaqi Thabrani dan Ibnu Majah ada menuliskan bermaksud: "*Barangsiapa hendak menunaikan haji, hendaklah dilakukannya dengan segera, kerana mungkin di antaramu ada yang sakit, hilang kenderaannya atau ada keperluan lainnya.*" Maka itu harta yang cukup untuk dipergunakan dalam segala keperluan pergi haji di samping kemampuan tubuh badan yang terupaya adalah sudah dianggap berkewajipan dan mampu. Kita tidak usah gusar bahawa harta yang dipergunakan dalam urusan haji itu adalah besar fadilatnya di mana kita diperingatkan dengan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang lain pula, bermaksud: "*Mengeluarkan biaya untuk keperluan haji sama dengan mengeluarkannya untuk perang sabil: satu dirham menjadi tujuh ratus kali lipat,*" riwayat Ibnu Abi Syaibah, Ahmad, Thabrani dan Baihaqi.

Kita tidaklah bertujuan bagi menonjol-nonjolkan atau berbangga dengan apa yang kita telah perolehi dalam kehidupan ini, umpamanya seseorang yang telah pergi menunaikan haji tidak akan menganggap dirinya sebagai orang yang sudah bersih dari segala dosa dan noda selagi ia tidak melakukan perkara-perkara maksiat dan merubah tabiat dan caranya kepada yang diredai oleh Allah, kerana haji yang mabrur tidak ada ganjarannya selain syurga serbagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bererti: "*Umrah kepada umrah, menghapuskan dosa yang terdapat di antara keduanya, sedang haji yang mabrur tidak ada ganjarannya selain syurga.*" Maka itu kita sekarang akan memasuki bulan Zulhijjah di mana dalam bulan tersebut dilakukan ibadat haji, antara kita khususnya jemaah haji dari Negara Brunei Darussalam ini telah bersedia-sedia untuk berangkat ke tanah suci, apa yang diharapkan bahawa di samping keupayaan bekalan, kesihatan badan dan amal ibadat, sifat kesabaran juga perlu ada, kita akan menempuh berbagai masalah dalam sepanjang perjalanan hatta dari sekarang pun, maka itu janganlah beranggapan kita pergi ke Mekah sama dengan melancong ke kota-kota besar di dunia ini jangan terlalu mengharapkan kesenangan dan kemudahan lahiriah sesuka hati, kerana di Mekah bukan tempatnya. Ia bukan ibu kota yang menjanjikan kesenangan dan kemudahan untuk berlibur, tetapi khusus untuk tempat peribadatan dan ketenangan jiwa dalam pengabdian kepada Allah. Kepergian kita adalah sebagai tetamu Allah, maka itu tidak ada sungutan yang perlu timbul, kalau di sini kita biasa senang dan 'digalati' di sana nanti bila kita menghadapi sebaliknya adalah perkara biasa, kerana perhimpunan agung umat manusia di musim haji tidak ada perbezaan antara siapa-siapa, semua tetamu Allah, hanya orang yang utama di sisi-Nya adalah orang yang paling takwa. Maka itu kalau takut menghadapi kenyataan ini keimanan kita masih belum mempunyai kepercayaan yang teguh. Mereka yang mentaati-Nya dan takwa adalah Muslim yang sejati.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31 Julai, 1985 hingga ke hari Selasa 6 Ogos, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Julai 31 | 12.32 | 3.48 | 3.49 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |
| Ogos 1–5 | 12.30 | 3.47 | 3.48 | 6.39 | 6.40 | 7.50 | 7.51 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |
| 6 | 12.30 | 3.47 | 3.48 | 6.38 | 6.39 | 7.49 | 7.50 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

# Nama-nama bakal haji dalam penerbangan keenam pada hari Isnin 5 Ogos 1985

Pg Duraman bin Pg Burut bin Mohammad, Afsah binti Puteh bin Salleh, Armah binti Haji Samsudin bin Kamarudin, Rayawati binti Pg Duraman bin Pg Burut, Mohammad Isra Nasibollah bin Awg Besar bin Haji Shamsudin, Haji Sipin bin Mohamad bin Raman, Hajjah Maimunah binti Haji Jabat bin Ali, Aidah binte Haji Sipin bin Mohamad, Timinah binti Naji Jabat bin Ali, Mohamad Roselyzan bin Haji Sipin bin Mohamad.

Awang Yussof bin Othman bin Ali, Kechee binti Yahya bin Ali, Hajjah Liah binti Mohammad bin Nayan, Md Yunos bin Taha bin Gafor, Zaiton bte Ismail bin Tengah, Mohiddin bin Timbang bin Md Yassin, Jalia bte Haji Ibrahim bin Abdul Razak, Pg Metassan bin Pg Bakar bin Pg Jambol, Mas Suharah bte Hj Besar bin Sagap, Dato Mohd Tahir bin Metasan bin Ismail.

Datin Rokiah bte Haji Besar bin Sagap, Haji Zaini bin Gani bin Tahai, Hjh Asmah bte Haji Tengah bin Sulaiman, Kassim bin Othman bin Ali, Aminah bte A. Ghani bin Tahai, Khadijah bte Kassim bin Othman, Mohd Ali bin Jaya bin OK Mohd Yusof, Halimah bte Ghani bin Tahai, Maimunah bte Mohd Ali bin Jaya, Md Zain bin Jaya bin OK Mohd Yusof.

Masni bte Abd Hamid bin OK Mohd Yusof, Masjuanah bte Mohd Tanin bin Jaya, Hamidon bin Haji Bakar bin Haji Perali, Lasminah bte Haji Md Said bin Duak, Pg Haji Ibrahim bin Pg Haji Abas, Murni bin Mortijo bin Sudarmo, Mortijo bin Sudarmo bin Motikaramo, Rebi binte Mohamad bin Asmat, Osman bin Keffi bin Yunos, Nilam bte Haji Chuchu bin Tarsad.

Haji Akim bin Ostam bin Jamal, Alipah bte Ostam bin Jamal, Bashrin bin Haji Mohd Nooh bin Haji Daud, Nasir bin Haji Akim bin Ostam, Ismail bin Abdul Rahman bin Mohammad, Zainab bte Haji Hashim bin Hassan, Rahman bin Ismail bin Abd Rahman, Jaludin bin Talip bin Duraman, Abdullah bin Kalong bin Anggas, Sindon bte Haji Jair bin Sidil.

Haji Gafar @ Ghafar bin Ahmad bin Daud, Hjh Isah bte Abdullah, Ahmad bin Abd Latif bin Jaafar, Maimon bte Haji Abdul Ghafar bin Ahmad, Haji Matnoor bin Senudin bin Kali, Tirahmat bte Wahab bin Abdul Rahman, Ak Ibrahim bin Pg Hj Mohd Jadid bin Mesruddin, Hjh Munah bte Man bin Hj Osman, Dk Hjh Norsiah bte Pg Haji Jadid bin Pg Masruddin, Dk Siti Zaliha bte Pg Hj Jadid bin Pg Masruddin.

Pengiran Hjh Fatimah bte Pg Hassan bin Metussin, Pg Hj Metussin bin Pg Ahmad bin Pg Petra, Pg Hjh Damit bte Pg Mat Yassin, Pg Hasmah bte Pg Damit bin Pg Tajuddin, Mohd Kassim bin Hj Johan bin Untak, Rosmah bte Ibrahim bin Besar, Pg Haji Ahmad bin Pg Sulaiman bin Pg Matsalleh, Pg Asmas bte Pg Tengah bin Pg Ajak, Ak Muzelin bin Pg Haji Ahmad bin Pg Sulaiman, Hjh Tiamah bte Chuchu bin Jamaluddin.

Mohd Gais bin Besar bin Jaafar, Siti Afnah bte Haji Md Yassin bin Daud, Kula bte Tahir bin Hussin, Dk Norain bte Pg Hassan bin Pg Haji Ahmad, Maluangsa binti Dullah bin Lamudin, Mohd Said bin Amit bin Kasim, Dayang Jariah binte Jakaria bin Matusin, Alus binti Amat bin Abdullah, Matusin bin Bakar bin Daud, Halimah binti Jakaria bin Matusin.

Md Yussof bin Awg Judin bin Md Salleh, Iashah binti Abdul Rahman bin Arshad, Fauziah binte Mohammad Yussof bin Judin, Dy Chuchu binti Awg Othman bin Kahar, Hajjah Halimah binti Haji Mohamad bin Salleh, Dy Fatimah @ Jalimah binti Hj Mohamad, Norsiah binti Hj Mohamad bin Salleh, Dayang Indun binti Mahat bin Kurus, Dg Raudzah binti Mohd Yussof bin Taram.

Abu Hanafiah bin Mohammad Sugut bin Ma'at, Dy Mariam binti Awg Besar bin Sulaiman, Ak Mashor bin Pg Mat Salleh bin Pg Limbang, Kahar bin Haji Tinggal bin Mumin, Bujang bin Kassim bin Meramit, Janis binti Sawal bin Puasa, Pg Piut binti Pg Metasan bin Pg Tuah, Noranda binti Latip bin Hj Daud, Sitam bin Jamudin bin Untong, Fatimah binti Ladi, Norrubiah binti Sitam bin Jamudin.

Noriah binti Sitam bin Jamudin, Delima binti Kassim bin Meramit, Haji Sulaiman bin Abdullah bin Mohamad, Pg Hajjah Mariam binti Pg Haji Md Daud bin Pg Md Salleh, Saripah binti Haji Sulaiman bin Abdullah, Suhaile bin Mohd Taib bin Abdullah, Haji Alias bin Matali bin Haji Abdul Rahman, Hajjah Minah binti Mohammad bin Bandahari Badar, Awg Zulkarnain bin Haji Hassan bin Metali, Dayang Ealamah binti Nasir bin Mat Serudin.

Awg Ausin bin Aman bin Hassan, Mdm Jijah bt Metali bin Haji Abd Rahman, Haji Wahab bin Metali bin Haji Abd Rahman, Aine binti Abdullah bin Mohammad @ Annie Scholte, Mr Shamsuddin bin Haji Abd Wahid bin Haji Wahab, Sharul Kamal Arriffin bin Yahya bin Haji Wahab, Abdul Karim bin Awg Muhammad bin Awg Omar, Dy Siti Rakiah binti Awg Haji Ahmad bin Damit, Mohammad Ali Khanafiah bin Karim bin Awg Muhammad, Othman bin Awg Haji Ahmad bin Awg Damit.

Awg Ajak bin Awg Damit bin OK Digadong Sahbudin, Dayang Tiawa binti Awg Amit bin Awg Kassim, Noorsiah binti Ajak bin Awg Damit, Mokter bin Puteh bin Awg Kassim, Dayang Ayang binti Bagol bin Salim, Maimunah binti Awg Haji Metassan bin Awg Omar, Ak Sab'i bin Pg Metassan bin Pg Randah, Dk Sabariah binti Pg Aman bin Pg Randah @ Pg Duraman, Ak Mohammad Yusrah bin Pg Sabli bin Pg Metassan, Dk Minah binti Pg Haji Aman bin Pg Randah.

Mahmud bin Tahir bin Osman, Minah binti Haji Arsat bin Haji Momin, Dk Noorhaini binti Pg Tengah bin Pg Damit, Dahlan @ Jilan bin Bongsu bin Matahir, Sulai bin Nawang bin Lampoh, Tengah binti Serudin bin Daim, Haji Ismail bin Gapar bin Shawal, Tampoi binti Haji Kamis bin Ahad, Jainal bin Haji Ismail bin Gapar, Dg Tamah binti Hj Ismail bin Gapar.

Awg Sabtu bin Haji Dullah bin Ahim, Madam Murah binti Mumin bin Nudin, Ibrahim bin Abd Rahman bin Jalil, Sabtu bin Abu Bakar bin Othman, Wasli bin Abu Bakar bin Osman, Asmah binti Abdul Hamid bin O.K. Muda Yusof, Kambar binti Musa bin Abu Bakar, Malim bin Sulai bin Saguen, Rafiah binti Salleh bin Parman, Awg Tinggal bin Yakub bin Samat.

Dayang Yukot binti Haji Haris bin Alli, Kamis bin Mohd Ali bin Timbang, Kasmah binti Mohd Ariff bin Abdul Latiff, Sariah binti Tuah bin Sisa, Serimah binti Ali bin Timbang, Haji Bujang bin Yaakop bin Amiralam Khan, Hajjah Norroyah binti Ali bin Kula, Awg Asmalee bin Haji Bujang bin Yaakop, Hajjah Isah binti Mahari bin Yayah, Pg Haji Damit bin Pg Bungsu bin Pg Apong.

Dy Sadiah binti Mimin bin Ampuan Osman, Pg Bakar bin Pg Hitam bin Pg Chuchu, Pg Mariam binti Pg Ibrahim bin Pg Bungsu, Khairul Amilian bin Abdullah, Mariam binti Abdullah, Haji Alimat bin Miga bin Dulah, Liah binti Timbang bin Lamudin, Md Salleh bin Ahmad bin Abdullah, Malam binti Sahat bin Nassar, Zamain bin Md Salleh bin Ahmad.

Bidah binti Salir bin Burut, Mohammad bin Asmat bin Abdullah, Siti Jara binti Hussin bin Talip, Rani bin Mohammad bin Asmat, Juliah binte Mohd Saifuddin bin Abdullah, Abdul Talip bin Mohd Saifuddin bin Abdullah, Pg Bungsu bin P Matasan bin Pg Metusin, Ismail bin Yusof bin Penyurat Bundol, Hasnah binte Abdullah bin Penyurat Bundol, Abdul Rani bin Ismail bin Yussof.

Mohamad bin Yusof bin Rafiee, Dyg Jasmine binti Abdullah, Dg Ning Lela binti Rafiee, Dg Ning Lela binti Mohammad bin Yusof, Siah binti Yusof bin Rafiee, Sheikh Abd Gani bin Sheikh Abdullah bin Sheikh Salleh, Alimah binti Haji C.A. Mohammad bin Albi, Dy Norbi binti Ahmad bin O.K. Singa Pahlawan Batik, Haji Hassan bin Hashim bin Mohamed, Dy Siti Mariam binti Tahir bin Buntak, Marzinah binti Haji Hassan bin Hashim, Md Daud bin Bakar bin Tahir.

Taha bin Burut bin Bakar, Hasnah binti Hassan bin Yunos, Mili Purniah binti Hj Salleh bin Hj Ibrahim, Hajjah Tiara binti Haji Samsudin bin Sarudin, Kula binti Haji Samsudin bin Sarudin, Awg Kipli bin Hj Mahrup bin Tasim, Ak Sahminan bin Pg Haji Ahmad, Sulaiman bin Haji Tasim, Pg Mohd Zinin bin Pg Haji Ismail bin Pg Haji Kadir, Madam Pg Jalia binti Pg Zainal.

Dk Masni binti Pg Haji Ismail bin Pg Haji Kadar, Dk Zainab binti Pg Haji Ismail bin Pg Haji Kadar, Dk Aisah binti Pg Haji Ismail bin Pg Haji Kadar, Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir bin Taha, Pg Haji Mat Zaini bin Pg Haji Mat Daud bin Pg Wahab, Pg Rafiah binti DSLJ Haji Abas bin Pg Aliudin, Dato Paduka Haji Basir bin Taha bin Abdur Rahman, Datin Dy Hajjah Tainun binti Tundak bin Awg Liman, Haji Basir bin Abu Rahman bin Haji Bakar, Awg Abdullah bin Hj Basir bin Abd Rahman.

Hajjah Itam binti Rahman bin Haji Bakar, Haji Ibrahim bin Raman bin Tarif, Hajjah Piah binti Abd Rahman bin Haji Bakar, Osman bin Haji Kahar bin Haji Dolah, Shamsiah binti Akil bin Haji Suman, Ali bin Jumat bin Khamis, Aminah binti Ibrahim bin Bakar, Alimah binti Ali bin Jumat, Janis binti Jumat bin Khamis, Tinggal bin Durahman bin Nudin.

Dayang Siti binti Mina bin Tapa, Simba bin Amin bin Pengarah Amba, Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd Salleh bin Kalong, Dk Salbiah binti Pg Haji Mat Salleh bin Pg Abu Bakar, Majid bin Sulai bin Saguen, Dy Napsia binti A. Mohamad bin Matsarudin, Jedani bin Abdul Ghani bin Ibrahim, Taisah binti Mohamad bin Mat Serudin, Awang Damit bin Awg Mohamad bin Matsarudin, Harpah binti Udin bin Sadan.

Haji Awg Besar bin Haji Metusin bin Abdullah, Masnah binti Md Yassin/Mat Yassin bin Saidi, Ibrahim bin Tuah bin Gador, Dy Rapiah binti Haji Damit bin Gapor, Awg Mohammad bin Hj Metusin bin Tundak, Dg Apsah binti Sijual bin Mohamad, Mahari bin Daud @ Haji Md Daud bin Lian, Seimah binti Ahmad bin Misir, Jauyah binti Haji Salleh bin Perman, Wahid bin Wahab bin Ahmad.

Ahmad bin Bujang bin Aim, Abbas bin Bujang bin Zakir, Mohidin bin Ismail bin Jambul, Humu binti Gadong bin Urut, Abdul Hamid bin Mohamad bin Sabtu, Sawiah binti Ibrahim bin Uga, Fatimah bte Abdul Hamid, Zainab binti Hitam bin Awg Damit, Haji Zainal bin Yusof, Dy Aminah bte Haji Kaling.

Dy Minah bte Awg Taha, Pg Ismail bin Pg Haji Sabtu bin Pg Damit, Pg Fatimah binti Pg Haji Lampoh bin Apong, Dk Rosni binti Pg Ismail bin Pg Haji Sabtu, Dk Nikmah binti Pg Ismail bin Pg Haji Sabtu, Ak Mohammad Abd Aziz bin Pg Ismail bin Pg Haji Sabtu, Dk Noorliha binti Pg Ismail bin Pg Haji Sabtu, Pg Damit bin Pg Ahmad bin Pg Metussin, Dg Aisah binti Haji Sahari bin Idris, Awg Tuah bin Dollah bin Osman.

Hajjah Banun binti Ismail bin Ibrahim, Awang Timbang bin Buntar bin Piut, Dg Mahani binti Bakar bin Jula, Awg Hasnah bin Timbang bin Buntar, Mohd Yasin bin Othman bin Jalil, Maimunah binti Pg Haji Mohd Salleh bin Pg Othman, Haji Junaidin bin Ahmad bin Arsad, Hajjah Sarbiah binti Asmat bin Tamblang, Nauah binti O.K. Sura bin Lipat, Ali bin Samsudin bin Dagang, Shinah binti Adia bin Jakar.

Md Yassin bin Timbol bin Baongkok, Saimah binti Tassim bin Bilal Dollah, Hassan bin Mail bin Amat, Dg Noraisah binti Haji Hasan bin Mail, Mumin bin Mail bin Amat, Mohd Said bin Haji Mohd Dayang bin Dato Bandar Haji Mohd Tamit, Kurnan bin Salleh bin Napis, Pg Haji Mumin bin Pg Aliuddin bin Pg Besar, Dk Zauyah binti Pg Haji Mumin bin Pg Aliuddin.

Pg Haji Mahmud bin Pg Bungsu bin Pg Rajid, Dayang Husnah binti Omar bin Taim, Pg Besar bin Pg Bungsu bin Pg Rajid, Bujang bin Mohamad bin Ghani, Siti Hasni binti Duraman bin Bringin, Ramlah binti Bujang bin Mohamad, Lampai binti Sahabudin bin Kassim, Awg Morni bin Ampuan Zainuddin bin Amaruddin, Dyg Asnah binti Abg Mohamad bin Abg Metussin, Dg Armah binti Haji Udin bin Damit.

Sadiah binti PDAS Diraja Haji Kassim bin Tamin, Abd Ghani bin Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Dg Zubaidah binti Haji Abdul Kadir bin Sunggoh, Alisabahrin bin Abdul Ghani bin Haji Md Daud, Limah binti Rabaha bin Sapira, Hashim bin Ahmad bin Haji Yasin, Dg Salhah binti Sandor bin Abdullah, Awang bin Daud bin Aman, Dg Besar binti Muamat bin Haji Besar, Mohd Daud bin Aman bin Talam.

Awang Haji Usop bin Haji Basar bin Apong, Hajjah Dg Midah binti Raman bin Apong, Amdinah binti Haji Yusof bin Haji Basar, Buntan bin Haji Ahad bin Raman, Dg Halimah binti Haji Ismail bin Hitam, Arsad bin Damong Burut, Siti Hapsah binti Ahmad bin Tamin, Mohd Zali bin Arsad bin Yusof, Siti Zainab binti Hj Tengah bin Serudin, Aisah binti Dawi bin Haji Saat.

Awg Daud bin Awg Damit bin Md Yussuf, Safar bin Yusof bin Hassan, Dg Mahani binti Awg Daud bin Awg Damit, Dg Hjh Iring binti Awang Aliakbar bin Tengah, Siti Hawa binti Yusof bin Hassan, Haji Abas bin Lamit bin Tahirudin, Hjh Dg Bungsu binti Md Daud bin Mujun, Haji Nudin bin Bakar bin Lamit, Dg Hajjah Aimah binti Haji Kahar bin Karim, Abdul Latif bin Haji Nordin bin Bakar.

Abdul Rashid bin Haji Nudin bin Bakar, Assim bin Daud bin Momin, Daud bin Dollah bin Momin, Haji Tuah bin Tundak bin Jambul, Hajjah Zabadah binti jah Maisalamah binti Haji jah Maisalamha binti Haji Tuah bin Tundak, Norleha binti Haji Tuah bin Tundak, Rukiah binti Haji Tuah bin Tundak, Adam bin Abdullah bin Mohamad, Wahab Foo bin Dris Foo bin Abdullah,

Mohd Tejuddin bin Ibrahim bin Besar, Dg Pasah binti Java bin Duraman, Abd Razak bin Awg Tamin bin Omar, Abd Rahman bin Tamin bin Omar, Haji Mu'ok bin Dato Hj Ibrahim bin Md Jaafar, Hajjah Isah binti Abdullah bin Aphin, Hj Ismail bin Haji Mulok bin Ibrahim, Sahari bin Haji Ibrahim, Sahari bin Hj Mulok bin Dato Hj Ibrahim, Dg Bongsu binti Yunos bin Tungkok, Mahani binti Abdul Ghani bin Abdul Rahman.

Mr Matassim bin Haji Md Tahir bin Tengah, Dk Fatimah binti Pg Haji Sulaiman bin Pg Momin, Ibrahim bin Abd Razak bin Jair, Dg Fatimah binti Haji Abu Bakar bin Serudin, Nor Azeaniwarty binti Ibrahim bin Abdul Razak, Yusof bin Haji Ibrahim bin Momin, Zaiton binti Abdullah bin Lau Sengkong, Zaliha binti Haji Ibrahim bin Momin, Ramli bin Hj Abang bin Abdullah, Masnah binti Keria bin Alias.

Awg Jafar bin Momin bin Karim, Haji Abdullah bin Mohammad bin Maramit, Zainah bte Sulaiman bin Bakar, Pehin Dato Paduka Hj Mohammad bin Abdul Momin bin Awg Tudin, Datin Maisalamah binti Hj Nudin bin Darat, Daud bin Yusof bin Sidek, Rumpun binti Haji Metahir bin Haji Shamsu, Besar bin Piut bin Chuchu, Amit binti Badarudin bin Sulaiman, Rokiah binti Haji Ahmad bin Chuchu, Umar bin Haji Abdul Rahman bin Wahab.

Fatimah binti Yakub bin Apong, Thani bin Haji Badar bin Zaman, Durani bin Hj Hassan bin Simpoi, Rapiah binti Asmat bin Lamit, Abd Aziz bin Durani bin Haji Metasan, Pg Besar bin Pg Sahbudin bin Pg Abu Bakar, Timbang bin Osman bin Sulaiman, Tundak bin Judin bin Dollah, Pengiran Haji Jaberadun bin Pg Haji Mohd Salleh bin Pg Ali.

Haji Abdullah bin Jaafar bin Abdullah, Mr Ismail bin Awang Haji Apit bin Laksamana, Haji Sulaiman bin Puteh bin Hussin, Sharifah Nafsiah binti Tungku Surur bin Dato Shariff Hamid, Dayang Siah binti Jumat bin Hashim, Haji Mustapa bin Amit/Abdul Hamid bin Haji Metussin, Miss Rabiah binti Haji Nasir bin Hidop, Mr Masri bin A. Ghafar bin Yaakub, Awang Haji Arsad bin Haji Mohd Zin bin Arsad.

## TAKLIMAT PEMULIHAN BAGI ANGGOTA ABDB

BERAKAS. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengadakan taklimat pemulihan kepada perajurit-perajuritnya yang telah mencapai perkhidmatan mereka 20 tahun ke atas bertempat di Dewan Pahlawan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison pada 18 September depan.

Di majlis itu nanti mereka akan diberikan penerangan kursus Pemulihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta pertadbirannya serta bersoal jawab dengan Pegawai Turus 3 Pelajaran.

Selain dari itu sebanyak enam buah jabatan kerajaan dan syarikat akan diundang bagi memberikan taklimat di majlis tersebut, di antaranya ialah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pelajaran, Jabatan Penerbangan Diraja Brunei, Jabatan Kemajuan Kerjasama, Jabatan Pertanian dan Syarikat Minyak Shell.

## Penyampai rancangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Televisyen Brunei menghendaki seorang penyampai untuk menjadi penyampai bagi sebuah rancangan untuk kanak kanak.

Pemohon-pemohon mestilah di antara 20 hingga 30 tahun dan fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Keterangan lanjut dan borang permohonan boleh di perolehi dari Pelita Brunei atau berhubung terus kepada:

Penerbit Kuiz Bahasa Bahagian Kanak Kanak Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup ialah 15 Ogos 1985.

# Nama-nama bakal haji dalam penerbangan ketujuh pada hari Selasa 6 Ogos 1985

Hj Metahir bin Hj Shamsu bin Tudin, Dyg Siti Armah binti Dulleh bin Mohamad, Norjanah binti Nafiah bin Dullah, Kambar bin Serudin bin Salat, Rosnah binti Haji Metahir bin Hj Shamsu, Noor Haini binti Kambar bin Serudin, Timina binti Haji Samsu bin Tudin, Dg Ameng binti Haji Samsu bin Tudin, Pg Aluddin bin Pg Ismail bin Pg Damit, Pg Anak Selangor binti YTM Pg Digadong Pg Haji Kamis Al-Marhum Sultan Hashim.

Pg Soffian bin Pg Aluddin bin Pg Ismail, Ak Mohamad Sufri bin Pg Aluddin bin Pg Ismail, Abdul Mumin bin Hj Paya bin Ahmad, Sadiah binti Salleh bin Md Taha, Duraman bin Md Taha bin Menteri Taib, Hj Dzulkiflee bin Hj Abd Latif bin Awg Omar, Pg Hjh Rohani binti Pg Tajuddin bin Pg Anak Hashim, Anis Faudzulani bin Hj Dzulkiflee bin Haji Abd Latif, Shamsol Iskandar Harris Faudilah bin Hj Dzulkiflee bin Hj Abd Latif, Pg Hamid bin Pg Mohd Salleh bin Pg Damit, Dy Zenot binti Sulaiman bin Mujun.

Dk Norain binti Pg Hamid bin Pg Salleh, Mohd Zain bin Mohamed bin Tamam, Johor bin Salleh bin Hj Momin, Jinah bte Matusin bin Abdullah, Pg Haji Mumin bin Pg Omaraii, Pg Jaludin bin Pg Mumin bin Pg Omarali, Mohd Shah bin Hj Ahmad bin Metassim, Dy Salihah binti Hj Ahmad bin Hj Abd Razak, Dy Hajijah binti Madon bin Uking, Abdullah bin Hj Damit bin Hj Othman, Maimonah @ Insan binti Hj Serudin bin Hashim.

Dy Suriani binti Abdullah bin Haji Damit, Suzaimah binti Abdullah bin Haji Damit, Mohd Suriadi Aznan bin Abdullah bin Hj Damit, Suziyana binti Abdullah bin Hj Damit, Bungsu bin Othman bin Zainal, Yuhanet bte Johari bin Udin, Jariah binti Salam bin Mumchung, Rakiah binti Ismail bin Narudin, Saniah binti Naim bin Bongsu, Ahmad bin Naim bin Bongsu.

Mohamad Yunus bin Haji Mohamad Hussin bin Abdul Hamid, Siti Ajar binti Haji Hidop @ Saadiah bin Osman, Mohmad Yunsin bin Mohammad Yunus bin Haji Mohd Hussin, Musa bin Hj Hidop bin Othman, Dy Ainah binti Israil bin Abd Rahman, Dk Salmah bte Pg Shuhaime bin Pg. Hitam, Haji Md Yusoff bin Mat Serudin bin Abdul Latif, Hajjah Halimah binti Matasan bin Laki.

Maimunah bte Hj Yussoff bin Mat Serudin, Ishak bin Hj Md Yussoff bin Mat Serudin, Mohd Alinor bin Abdullah bin Beruang, Abdullah bin Ahmad bin Tudin, Salatan bin Salamat bin Tarus @ Mohd Bahrin bin Abdullah, Nawi bin Haji Maidin bin Green, Aisah bte Damit bin Haji Bakar, Haji Hasbi @ Asbi bin Khatib Abdullah bin Khatib Othman, Hajjah Dy Amit binti Taha bin Bakar, Hajjah Azizah bte Taha bin Bakar, Mahriah bte Hj Asbi bin Khatib Abdullah, Mohd Azmi bin Hj Hasbi bin Khatib Abdullah, Mohd Azman bin Hj Hasbi bin Khatib Abdullah.

Muksin bin Bakar bin Abd Rahman, Chuchu binti Bakar bin Rokam, Rafiah binti Osman bin Abd Rahman, Mohd Yusra bin Haji Abdul Halim bin Tarif, Jahinon binti Haji Rasid bin Jamaludin, Hj Abd Halim bin Tarif bin Sidek, Hjh Hosnah binti Bwn P. U. Kh. Hj Umar bin Randah, Hj Rasid bin Jamaludin bin Sabtu, Hjh Timbang bte Haji Dollah bin Japar.

Dr Hla Maung Abd Rahman Kassim, Dr San San Myint Fatimah Mohd Ali, Abd Rahman bin Hj Md Taib bin P. J. D. Hj Md Yussof, Hj Wahid bin Haji Abd Razak bin Ahmad, Ahmad Sarkawi bin Hj Mohin bin POK Digadong Haji Ahmad, Asror bin Hj Mohin bin POK Digadong Hj Ahmad, Ahmad bin Hj Mohin bin POK Digadong Haji Ahmad, Mustafa bin Hj Murni bin Damit, Rakiah binti Hamzah bin Ahmad.

Seniah binti Awg Tengah, Hj Maarof bin Hj Md Yaakub bin Md Ali, Hj Kalong bin Gambar bin Hj Meramit, Hajjah Damit binti Lamat bin Hj Saban, Abd Rahman bin Hj Ali Hassan bin Amin, Maisalamah binti Hj Othman, Zakiah binti Chuchu bin Lasim, Mahli bin Hj Alihassan bin Amin, Dy Tengah binti Mat Rais bin Jaya.

Ibrahim bin Mantal bin Lampoh, Dy Halus binti Hj Tariffin bin Chuchu, Chuchu bin Bungsu bin Lamit, Zaini bin Hj Md Salleh bin Chabang, Antin bin Md Zain bin Jumat, Hj Ghani bin Ibrahim bin Husin, Hajjah Mastura binti Zainal bin Salleh, Hamzah bin Hj Ghani bin Ibrahim, Damit binti Durahman bin Jumat, Muntol @ Jaafar bin Abdullah bin Latif, Muhammad bin Sukaimi bin Abu Naim.

Timah binti Untong bin Kadir, Al-Amin bin Saif bin Asar, Januddin bin Ismail bin Hj Duraman, Nanta binti Pangis bin Sahar, Noorni bte Nudin bin Mail, Royah binti Nudin bin Mail, Hajjah Beriah binti Kamis, Karim bin Bongsu, Hajjah Alimah binti Sahar bin Tarip, Rumbi binti Karim bin Bongsu, Azrin bin Buyong bin Hj Asmat, Haji Munap bin Ahmad bin Salleh, Hjh Jariah binti Lamit bin Salleh, Hj Abdullah bin PDPM Sh. Hj Abd Halim bin PDPM Sh. Hj Abd Rahman.

Dy Besar binti Metussin bin Hj Narudin, Mohd Tahir bin Hussin, Pg Hj Salleh bin Pg Mohammad bin Pg Ahmad, Pg Hajjah Salamah bte Pg Ahmad bin Pg Othman, Pg Hj Matarsat bin Pg Mohamad bin Pg Ahmad, Hjh Malai Rafiah binti Malai Kadir bin Malai Tundak, Hajjah Norsiah binti Hj Abd Rahim bin Hj Pakir Mohamad, Normah binti Abd Hamid bin Lassim @ Sofiah, Hj Mohd Ismail bin Hj Ahmad bin Hj Ismail, Dy Zohren binti Hj Yusop bin Haji Johari.

Hajjah Amanah binti Mohd Harith, Hj Mustafa bin Haji Ahmad bin Hj Ismail, Siti Mariam binti Hj Md Arsad bin Sulaiman, Marzuki bin Hj Ahmad bin Hj Ismail, Md Yassin bin Said bin Mohammad, Rayah/Shariah bte Md Ali bin Aman, Salwana binti Mohd Yasin bin Said, Afsah binti Ahmad bin Piut, Besar bin Said bin Mohamad, Saifon bin Awg Besar bin Said, Pg Said bin Pg Haji Tajuddin bin Pg Abu Bakar, Dk Damit binti Pg Ongsang bin Pg Jaafar.

Hj Talip bin Abd Rahman bin Buntar, Hajjah Rafiah binti Tarip bin Sidek, Naimah binti Hj Talip bin Abd Rahman, Siti Zaliha binti Hj Talip bin Abd Rahman, Abd Rahim bin Hj Talip bin Abd Rahman, Mardiah binti Rais bin Sahat, Hj Hasbollah bin Dato Hj Yusof bin Bilal Tarip, Hjh Naimah Zaharah bte Abdullah, Rosliah binti Haji Hasbollah bin Dato Haji Yusof, Dato Selamat bin Haji Munap bin Jerudin, Datin Rosnah binti Haji Hasbollah bin Dato Hj Yusof, Abd Hamid bin Abu Bakar bin Ajir, Halimah binti Marali bin Abdullah.

Zabidah binti Yaakob bin Duraman, Hajjah Janis binti Hj Lakim bin Samat, Nordin bin Hj Abd Wahab bin Mohammad, Hasnah binti Aji bin Abd Garai, Hj Gantang bin Mail bin Hj Pakar, Hjh Saliah binti Samat bin Haji Sapar., Zurainah binti Haji Gantang bin Mail, Abd Rahim bin Haji Gantang bin Mail, Jamaliah binti Hj Mohamad bin Abd Razak, Palam binti Hj Salleh bin Bakir, Nooriah binti Amit bin Matyassin.

Abd Rahman bin Haji Wahab bin Kumpal, Norni binti Hj Bakar bin Lakup, Gambar binti Bakar bin Sirat, Durahman bin Kamis bin Gapar, Jijah binti Amit bin Sapar, Rogaiya binti Hj Mohammad bin Haji Serudin, Anuar bin Hj Mohd Salleh bin Abd Latif, Siti Hajijah binti Syeikh Salim bin Mohammad, Abd Hadi bin Haji Yaakub bin Bakar, Daud bin Hussein bin Ahmad, Abdul Latip bin Hj Ampuan Metusin bin Ampuan Tahir, Jaliha binti Hj Dris bin Imam Daud, Abu Bakar bin Besar bin Janai, Abu Bakar bin Haji Mohd Salleh bin Chabang.

Khalijah binti Tuah bin Panjang, Suboh bin Merali bin Jamal, Salmah binti Haji Ahad bin Aji, Hajjah Hitam binti Kasim bin Tamit, Mohamed bin Hj Abd Ghani bin Hassan, Matsait bin Lakim bin O.K. Jaber, Hj Sulaiman bin Enchi bin Durahim, Hajjah Intan binti Badar bin Kaling, Ak Ariffin bin Pg Damit bin Pg Kula, Noorsalam binti Haji Maidin bin Omar, Suhaile bin Ibrahim bin Hj Ismail, Tarih bin Talip bin Ibrahim, Pg Sapiah binti Pg Anak Luba bin Pg Tajuddin Manai, Zasmi bin Tarih bin Talip, Dk Hajjah Amas binti Pg Jaya Petra Pg Haji Ahmad bin Pg Anak Luba.

Dk Norhamidah binti Pg Ibrahim bin Pg Jaya Petra Pg Hj Ahmad, Safiah bte Tamit bin Abd Rahman, Dyg Tuah binti Talib bin Ibrahim, Maisalamah bin Md Daud bin Shahbudin, Jeriah binti Gana bin Ali, Zainun binti Hj Md Daud bin Ahmad, Besar bin Abdullah, Mohammad bin Abd Rahman bin Abdullah, Salamah binti Hj Abd Rahman bin Yakub, Hj Ahmat bin Said bin Bakir, Dy Zaiton binti Hj Ahmad bin Mohd Said.

Haji Ahmat bin Said bin Bakir, Dy Zaiton binti Haji Ahmad bin Mohd Said, Abd Hamid bin Kasim, Ahmad bin Yakob bin Abdul Raoh, Enah binti Salamat bin Noh, Ladis bin Daud bin Gafar, Awa binti Salamat bin Noh, Suferdy bin Ladis bin Daud, Sijim bin Salleh bin Daud, Dy Timah binti Mohd Daud bin Awang, Hj Abd Rahman bin Damit bin Randah, Haji Abd Rahman bin Damit bin Randah, Hajjah Siwah binti Minudin bin Daud, Abdullah bin Abd Rahman bin Damit, Norlilawati binti Mugni bin Haji Abd Rahman.

Dy Amit binti Tangah bin Raup, Rabiah binti Tangah bin Raup, Talib bin Aji bin Metarsad, Besar bin Amba bin Tahir, Taibah binti Kudi bin Abang, Pg Hj Mohd Ali ibni YTM Pg Temanggong Pg Hj Mohamad bin Pg Abd Rahman Piut, Mahani binti Mohd Yassin bin Burut, Zaini bin Md Yassin bin Burut, Siti Mahani binti Jamal bin Ahmad, Abas bin Zaini bin Md Yasin, Pg Siti Sara binti Pg Ismail bin Pg Ahmad, Dy Sa'ayah binti Zaini bin Md Yassin, Pg Hj Yunsi bin Pg Temenggong Pg Haji Mohamad bin Pg Hj Abdul Rahman Piut, Dy Rahmah binti Haji Abdul Hamid bin Rajid.

Pg Radin Hanafi bin Pg Hj Mohamad bin Pg Abdul Rahman Piut, Pg Md Yaakub bin Pg Temenggong Pg Haji Mohamad bin Pg Abd Rahman Piut, Ahmad bin Haji Tarip bin Mohammad, Asiah binti Ibrahim bin Abdullah, Tengku Halimah binti Al-Marhum Sultan Ahmad Tajudin, Pg Anak Nooraini binti Pg Anak Md Yaakub bin Pg Temenggong Pg Hj Mohmad, Pg Anak Maharpajun binti Pg Mohd Yaakub bin Pg Temenggong Pg Hj Mohamad, Ak Baharuddin bin P.M. Yakob bin Pg Temenggong Pg Hj Mohammad, Pg Anak Roheda binti P.M. Hj Yaakub bin Pg Temenggong Pg Haji Mohammad.

Dk Siti Zainon binti Pg Mohd bin Pg Temenggong Pg Hj Mohammed, Dy Besar binti P. Perdana Wangsa Ismail, Pehin Dato Hj Mohd Ariffin bin Hj Wahab bin Mohammad, Hajjah Hashum binti Hj Zainal Abidin bin Bendahari Mohamad, Mimie Hawa binti Hj Mohd Ariffin bin Hj Abd Wahab, Mohamad Azizan bin P.D. Haji Mohd Ariffin bin Hj Abdul Wahab, Mohd Azaam bin P.D. Hj Mohd Ariffin bin Hj Abd Wahab, Hj Hashim bin Hj Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad, Hajjah Khadijah binti Hj Abd Rahman bin Gador, Khairani bte Hj Hashim bin Hj Zainal Abidin, Zainal Khairulzzadin bin Hj Hashim bin Hj Zainal Abidin, Mohmad Tarmizi bin Hj Hashim bin Hj Zainal Abidin.

Rosemah binti Hj Zainal Abidin bin Bendahari Mohamad, Aini Salwati binti Haji Md Yussof bin Abd Hamid, Hj Sulaiman bin Osman bin Tudin, Hajjah Hasnah binti Hj Nayan bin Hj Taha, Haji Hanapi bin Hj Sulaiman bin Osman, Hambali bin Hj Sulaiman bin Osman, Hajjah Rashidah binti Hj Sulaiman bin Osman, Hajjah Asmah binti Hj Sulaiman bin Osman, Hajjah Fatimah binti Hj Abd Karim bin Haji Mohd Taha, Hajjah Parak binti Marali bin Tarip, Hidop bin Amat bin Bubin Majjah Sari binti Ahmad bin Mail.

Hajjah Siti Djainab binti Ahmad, Hj Ibrahim bin Haji Hussin bin Abdulah, Dy Iring binti Hj Ibrahim bin Haji Husin, Siti Hasnah binti Haji Ibrahim bin Hj Hussin, Masnah binti Hj Mohamad Daud, bin Hj Salim, Mohiddin bin Hj Mohd Daud bin H Salim, Pg Hj Kahar bin Pg Bakar bin Pg Mat, Halimah binti Adam bin Eblil, Thiruvana zahikum Modeen Salahudin, Lathifa Salahudin, Hamid/Hussin bin Momin @ Hamid bin Mohaimin bin Haji Md Nasir, Hajjah Armah binti Taha bin Abd Rahman, Mariam binti Hamid bin Mamin, Mariah binti Hamid bin Mamin @ Mohaimin.

Hajjah Salama binti Kambar bin Serudin, Rose binti Hj Ahmad bin Tarip, Dy Halus binti Hj Ahmad bin Tarip, Dy Salmah binti Usop/Yusof bin O.K. Muda Ali Mohammad, Dyg Zubaidah binti Abd Hamid bin Ghani, Kasim bin Haji Latip bin Daud, Dy Salmah binti Tarsat bin Aliakbar, Dy Aishah binti Tarsat bin Aliakbar, Rosnani bin Hj Latip bin Daud, Merzuki bin Hj Latip bin Daud, Hj Saban bin Abbas bin Said, Matusin bin Hj Serudin bin Bidin.

Hajjah Adiah binti Kahar bin Tusin, Hj Jeludin bin Ahmad bin Md Jafar, Diwa Ahmad bin Hj Jaludin bin Ahmad, Abdullah bin Haji Lampoh bin Abdullah, Norsinah binti Haji Zainal bin Nassir, Abas bin Buntar bin Dollah, Patnah binti Abdul Rahman bin Abu Bakar, Ajiah binti Abas bin Buntar, Norihsan binti Abas Abdullah bin Mohammad, Lamat bin Hj Tahir bin Omar, Sapiah binti Duraman bin Daud, Buang bin Hj Jamudin bin Haji Tarsad, Jamil bin buang bin Haji Jamudin, Hamdani bin Buang bin Haji Jamudin, Matumar bin Haji Tarsad bin Ludin.

Ampuan Hidop bin Ampuan Othman bin Ampuan Sulaiman, Abd Hallim bin POKID Dato Paduka Haji Musa bin Hitam, Fatimah @ Patamah binti Haji Ibrahim bin Mahmud, Abd Hamid bin Arsad/Arsat bin Banga, Seriati binti Rahim bin Haji Eksah, Nasir bin Kahar bin Lidun, Champing binti Kahar bin Lidun, Kampong bin Damit bin Pengarah Digadong Mulok, Papiah binti Damit bin Pengarah Digadong Mulok, Mohd Dani bin Damit bin Pengarah Digadong Mulok, Nor Hamimah binti Haji Abd Hamid bin Damit, Siti Ajar binti Hj Tuah bin Pengarah Digadong Mulok.

Rukiah binti Hj Talip bin Hj Ibrahim, Hasimah binti Haji Talip bin Haji Ibrahim, Taisah binti Yassin bin Lamit, Dollah bin Malim Sidi bin Mohammad, Timah binti Ahad bin Kerudin, Mardiana binti Sidi bin Mohd, Jasmi bin Haji Rasuli bin Kari, Mohd Yassin bin Hj Tengah bin Tahir, Masnah binti Haji Abd Wahab bin Mohamad, Mohamad Yusni bin Mohd Yasin bin Hj Tengah, Kartiniyah binti Haji Ibrahim bin Haji Ahmad, Susilawatiniah binti Hj Ibrahim bin Hj Ahmad, Hajjah Norazlinah bte Hj Ibrahim bin Hj Ahmad, Noralinda binti Haji Ibrahim bin Haji Ahmad.

Hajjah Jijah binti Ampuan Serudin bin Ampuan Besar, Abdullah bin Sahari bin Abdullah, Kamariah binti Abu Bakar bin Tabib, Pauziah binti Sahari bin Abdullah, Md Yusof bin Taha bin Hj Senudin, Asmah binti Ali Ahmad bin Daud, Julaini bin Ahmad bin Jamalludin, Ramlah binti Hj Zainudin bin Sh. Hj Othman, Ak Johari bin Pg Hj Daud bin Pg Ahmad, Dg Minah binti Metassan bin Ibrahim, Mohd Jaafar bin Hj Ahmad bin Hassan, Hajjah Mariah binti Abdul Latif, Hajjah Zaibidah binti Jumat.

Haji Md Saji bin Radin, Hajjah Asiah binti Abdul Latif, Salenawati binti Haji Md Saji bin Radin, Hj Abu Bakar bin Hj Apong bin Abd Latif, Jahrah binti Mohmad bin Jambol, Hj Abas bin Hj Serudin bin Hashim, Dk Hjh Mariam binti Pg Hj Ahmad bin Pg Md Tahir, Awg Danial bin Ibrahim bin Hj Metasim, Mohd Hassan bin Haji Taha bin Pehin Ratna Diraja Hussin, Datin Hjh Ahsan binti Hj Bakar bin P.U.L. Tunggal, Hj Azahari bin Hj Md Taha bin Awg Hussin, Apsah binti Hj Kamaludin bin Momin, Adina Hazri binti Hj Azahari bin Haji Md Taha, Hjh Tahniah binti Haji Md Taha bin Awang Hussin.

Haji Alaihuddin bin Haji Mohd Taha, Hj Mohd Azrae bin Hj Abd Manaf bin Pehin Ratna Diraja Awg Hussin, Roslijah binti Mat Safar bin Nudin, Jama'iah binti Haji Abdul Manap, Hajjah Narsalam binti Mulok bin Kadir, Hj Mohd Salleh bin Yaakub bin Mohammad, Rosnah binti Mazid bin Murah, Yassin bin Taha bin Husin, Serudin bin Ahmad bin Dollah, Halimah binti Yussof bin Hj Hussin, Zakaria bin Serudin bin Ahmad.

Pg Mohamed bin Pg Damit Matserudin bin Pg Omarali, Rafiah binti Julaieh, Dk Damit binti Pg Haji Ahmad bin Pg Mohd Salleh, Ak Mohd Suffian bin Pg Mohd Said bin Pg Damit, Hafsah binti Hj Mohd Yusof O.K. Digadong Hj Md Hussin, Dr Naseem Iqbal Sabir, Dg Nariah binti Ahmad bin Abu Bakar, Mdm Halimah binti Mohd Tahir bin Ahmad, Mr Johari bin Haji Abas bin Awg Mokti bin Laksamana Hamid, Mr Hj Nipah bin Hj Hassan @ Hj Ariffin bin Hj Hassan bin Hussin, Hj Ahmad bin Mohd Zain bin Salleh, Pengiran Hj Badaruddin bin Pg Hj Damit bin Pg Mohd Salleh Malai,

Hj Abdul Hamid bin Hj Tamat bin Raman @ Haji Damit, Mr Haji Metali bin Matyassin bin Tassim, Hj Abang bin Haji Rani bin Lampoh.

## Nama-nama bakal haji dalam penerbangan kelapan (Tambahan)

Awang Zainar bin Ujang bin Haji Abdullah @ Haji Zainal bin Md Noor bin Hj Abdullah, Pg Anak Safiah binti Pg Muda Saifuddin, Hj Juned bin Mustapa bin Duraim, Haji Mohd Daud bin Abu Bakar bin Jama'uddin, Mohd Maidin bin Mohamed Saleh bin Abu Bakar, Mohd Tahir bin Mohamed Salleh bin Abu Bakar, Haji Abdul Rahman bin Aliakbar bin Tengah, Hajjah Dy Aisah binti Hitam bin Tarip, Matasan bin Matyassin bin Tasim, Ungsang bin Kuning bin Haji Momin, Haji Mohd Salleh bin Timbang bin Ahmad.

Hjh Badariah binti Haji Ali Ahmad bin Abdul Rahman, Kasim bin Asmat bin Abdullah, Dk Kasma binti Pg Abdul Rahim bin Pg Piut, Dk Taisah binti Pg Piut bin Pg Mohamad, Ismail bin Haji Duraman bin Serudin, Rosnah binti Tuah bin Kadif @ Halimah, Salleh bin Karim bin Amit, Mariam binti Bini bin Ajak, Haji Momin bin Awg Damit bin Abas, Hajjah Norsiah binti Ismail bin Taha, Haji Abu bin Serudin bin Lamit, Haji Awang Metussin bin Haji Ahmad bin Hassan,

# TEMASYA LUMBA PERAHU DAN MOTORSANGKUT MEMERIAHKAN SUASANA PERAYAAN

Oleh: Ahat Ismail
Gambar oleh
Ak Bahar PHO,

TEMASYA Sukan lumba perahu dan motorsangkut seringkali mendapat perhatian ramai pada setiap tahun sempena sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39. Temasya sehari suntuk itu berlangsung di Sungai Brunei pada hari Ahad 21 Julai lepas.

Ribuan rakyat dan penduduk negara ini membanjiri sekitar tebing sungai yang menjadi gelanggang perlumbaan bagi pelumba-pelumba untuk mengadu kepakaran dan kelajuan kenderaan masing-masing.

Menyerikan suasana perlumbaan pada hari itu termasuklah acara-acara tradisional seperti menangkap itik berenang dan meniti di atas sebatang kayu licin, yang penyertaannya dikhususkan bagi orang ramai.

Dalam acara menangkap itik berenang, pihak penganjur telah melepaskan sebanyak 11 ekor itik ke dalam sungai, kemudian itik-itik tersebut dikejar oleh peserta-peserta. Manakala acara meniti di atas sebatang kayu licin pula para peserta dikehendaki berjalan di atasnya hingga ke hujung di mana terdapat bendera berwarna merah. Sebaik saja peserta sampai di hujung kayu tersebut peserta hendaklah memegang bendera itu bagi menandakan ianya berjaya sampai.

Temasya sehari suntuk itu keseluruhannya mengemukakan sebanyak 13 acara perlumbaan iaitu tujuh acara dijalankan di sebelah pagi dan lima acara dilangsungkan di sebelah petang. Hanya dua acara saja dijalankan bagi perlumbaan motorsangkut.

Keputusan penuh perlumbaan perahu dan motorsangkut pada hari itu adalah seperti berikut:—

Lumba perahu 10 orang terbuka disandang oleh Pasukan Haji Laidin dan Anak Buahnya 'B'. Kedua Pasukan Tentera Laut Muara Kem ABDB 'A' dan di tempat ketiga juga disandang oleh Pasukan Haji Laidin dan Anak Buahnya 'B'.

Lumba perahu 15 orang bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah/Maktab yang berumur 25 tahun ke bawah tempat pertama dimenangi oleh SMMSMJA, kedua Sekolah Menengah Awang Semaun dan ketiga Maktab SOAS.

Lumba perahu 20 orang pekayuh bagi Kampung-kampung disandang oleh Kampong Setia 'A', kedua Kampong Kota Batu dan ketiga Kampong Serasa 'A'.

Perlumbaan bagi 12 orang pekayuh antara Dewan Perniagaan tempat pertama jatuh kepada Lufthansa Jerman Airlines, kedua Sheraton Utama dan ketiga Hong Kong & Shanghai Banking.

Perlumbaan 15 orang bagi Jabatan-jabatan Kerajaan telah dimenangi oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara, kedua Polis Diraja Brunei dan ketiga Jabatan Pelajaran.

Bagi perlumbaan 10 orang untuk Persatuan/Belia/Sukan Beruniform Brunei tempat pertama ialah Persatuan Angkatan Kampong Setia (AKSE), kedua Kota Batu Football Association dan ketiga Kota Rangers Football Club.

Untuk perlumbaan motorsangkut 45 (HP) — Perahu penambang ukuran 18 — 25 sebanyak empat pusingan dimenangi oleh perahu yang bergelar Saronda, kedua perahu Rina dan ketiga perahu jenis penambang.

Perlumbaan 15 orang bagi perkhidmatan-perkhidmatan beruniform disandang oleh Tentera Laut Muara Kem, kedua Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan ketiga Jabatan Bomba.

Dalam perlumbaan bagi penuntut dan kakitangan Sekolah Menengah serta Maktab telah dimenangi oleh SMMSMJA dan di tempat kedua disandang oleh Maktab Sains.

Acara bagi Jabatan-Jabatan Kerajaan iaiatu lumba 20 orang telah dijuarai oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kedua Pejabat Daerah Brunei dan Muara, ketiga Pejabat Jerudong Park.

Bagi perlumbaan motorsangkut terbuka telah digondol oleh Suzuki XII, naib juara Mariner 519 dan ketiga ialah perahu Puteraku Sayang.

Dalam perlumbaan khas bagi orang-orang kenamaan dimenangi oleh Yang Dimuliakan Pehin Timangtimangan Begawan di Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Ugama. Kedua Pasukan Menteri Setiausaha Tetap Kementerian dan ketiga Diplomat Asing.

Acara kemuncak ialah perlumbaan 30 orang terbuka telah dimenangi oleh Pasukan Haji Laidin dan Anak Buahnya 'C', kedua Pasukan Jerudong Park II dan ketiga Jabatan Kerja Raya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali menyampaikan hadiah kepada Awang Alidon bin Haji Laidin (atas) dan Awang Md. Noor Haji Salleh, wakil dari Kg Setia 'A' yang menjadi johan dalam bahagian kampung (bawah).







MENITI di atas sebatang kayu yang licin adalah salah satu acara yang diadakan pada hari tersebut (kiri). Salah satu acara perlumbaan perahu sedang dijalankan (bawah).



DERMAGA Kastam Diraja dibanjiri oleh orang ramai yang menyaksikan Temasya Lumba Perahu dan motorsangkut yang diadakan pada hari Ahad lalu (atas). Suasana seperti kelihatan dalam gambar bawah sering kali berlaku apabila sahaja temasya lumba perahu diadakan pada setiap tahun.





SUZUKI XII depan sekali memenangi acara perlumbaan motor sangkut terbuka.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali memperhatikan model perahu.



DATO Paduka Awang Haji Mohd Ali, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertanyakan sesuatu mengenai jaring perangkap payau yang turut dipamerkan pada hari itu.

# Pameran kraftangan tradisional puak-puak Melayu

Oleh Jahri HAL
Gambar-gambar ihsan Jabatan Muzium dan Rabaee Sabli

INISIATIF Badan Kebajikan, Kebudayaan, Kesenian dan Sukan (BAKAKAS), Jabatan Muzium menganjurkan pameran kraftangan tradisional puak-puak Melayu yang telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud bertempat di Balai Pameran, Jabatan Muzium di Kota Batu pada 21 Julai dan akan berakhir 26 Ogos depan dapat perhatian ramai.

Setakat ini yang kita ingat tidak pernah mana-mana pihak mengadakan pameran seumpama itu di negara ini dan kalaupun ada hanyalah pameran secara kecil-kecilan yang diselitkan dalam sesuatu acara untuk memeriahkan suasana kerana sempena majlis-majlis tertentu.

Meskipun pameran yang dianjurkan oleh BAKAKAS itu juga kerana sesuatu sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun tetapi ianya mempunyai tujuan yang khusus dalam memperkenalkan atau menimbulkan kembali estetik kraftangan tradisi masyarakat kita di negara ini yang dianggap sebagai warisan budaya bangsa kita yang patut benar dipelihara dan dihidupkan semula.

Kerana kalau tidak ada inisiatif dari pihak-pihak tertentu, seperti yang diungkayahkan oleh BAKAKAS untuk menimbulkan kembali kreativiti kraftangan tradisi yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri itu mungkin generasi kita akan datang tidak dapat mengetahui dan mengenal warisan budaya bangsanya mungkin dilupakan atau mungkin akan terkubur oleh arus modern begitu sahaja.

## KESEDARAN

Oleh itu BAKAKAS khususnya dan Muzium Brunei umumnya berharap melalui pameran tersebut ianya akan dapat memperlihatkan dan memupuk kesedaran pihak-pihak tertentu betapa kraftangan tradisi akan mendapat tempat yang wajar dalam kehidupan seharian masyarakat kita walaupun pada hakikatnya kraftangan tradisi itu suatu kreativiti zaman dato nenek kita yang telah wujud berabad-abad sudah tetapi penampilannya kembali dalam zaman ini bukanlah sesuatu yang lapuk dan tidak berharga malah ianya adalah sesuatu yang bukan sahaja menarik bahkan mengkagumkan.

Sebagai misal, kalau kita meneliti kembali sejarah Brunei pada masa lampau di zaman Sultan Bolkiah dan di zaman permulaan tamaddun Islam, kita akan mendapati kesan-kesan karya seni halus yang dipahat pada batu-batu nisan tulisan-tulisan khat yang bernilai tinggi. Yang paling akhir pada akhir kurun ke-18 dalam zaman Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin II, telah hidup seorang pelukis yang masyhor namanya di zaman itu. Pembuat nisan Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin II itu sendiri telah tersurat nama tukangnya, Mohd Daud cucu kepada Japar pelukis yang masyhor. Ada di antara anak cucu Japar pelukis itu telah mewarisi kemahiran bertukang ini tetapi dalam bidang tembaga. Mereka berhasil memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat hingga ke pelusuk tanahair hatta ke wilayah Borneo. Ini telah membuat Negeri Brunei masyhor dengan barang-barang tembaga pada sedikit masa dulu. Tetapi kemahiran seperti yang terbukti dan kesan-kesan kemahiran mereka itu telah tidak dapat pada masa ini kecuali sebahagian kecil yang diberi nafas kembali.

Di samping itu, pameran tersebut juga dihasratkan supaya masyarakat kita menghargai kreativiti kraftangan masyarakatnya bahkan tidak akan menolak begitu sahaja kraftangan tradisi itu kerana adanya barang-barang plastik dari luar negeri dalam pasaran tempatan. Kraftangan tradisi masyarakat kita di negara ini memang banyak, ianya tidak hanya dihasilkan oleh satu golongan masyarakat atau puak bahkan setiap golongan atau puak di negara ini mempunyai kreativiti kraftangan tradisinya sendiri dan kraftangan mereka itu pula bukan hanya merupakan satu barangan tetapi mempunyai nilai budaya dan teknologi tempatan yang setanding kegunaannya dengan 'imported goods' dari luar negeri.

Kesedaran masyarakat kita sendiri adalah perlu bagi menentukan kraftangan tradisi masyarakat negara ini berkembang sesuai dengan arus perkembangan moden.

Pelita difahamkan dengan adanya usaha keras dari ahli-ahli BAKAKAS selama kira-kira tiga bulan dengan dibantu oleh Bahagian Entonagrafi (Kaji Bangsa), Jabatan Muzium, pihaknya telah dapat mempamerkan lebih 500 jenis barangan dan 44 jenis kuih muih tradisional dari puak-puak Kedayan, Tutong, Dusun, Belait, Murut, Punan dan Brunei.

Antara kraftangan tradisi yang dipamerkah itu termasuklah jenis anyaman model perahu, model rumah, model jerat, jenis ukiran kayu, perak, tembaga, alat-alat musik, alat menangkap ikan, tenunan, sulaman dan jahitan dan sebagainya.



BEGINILAH suasana pameran kraftangan tradisi puak-puak Melayu Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Jabatan Muzium, Jalan Kota Batu.



PARA jemputan khas sedang asyik memerhatikan cara-cara permainan congkak seperti kelihatan dalam gambar.



BARANG-barang lama yang diperbuat dari tembaga juga turut dipamerkan seperti dalam gambar.

**SUDUT KESIHATAN**

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

# MENGHIDU ATAU MENYERUK GAM

## Merbahaya kpd kesihatan dan nyawa

Oleh : Dy. Fatmah bte P.O.K.A.D.S.U. (Dr.) Haji Mohd. Jamil
Pegawai Kemudahan Kesihatan.

**Kebanyakan penyalahguna menggunakan gam dan bahan-bahan pelarut lain yang jarang digunakan ialah sampang rambut, pengilap kuku, minyak pemetik api, minyak petrol, cat, pemadam taip dan cecair pembersih kering, gam-gam yang mengandungi toluene dan acetone adalah yang selalu digunakan. Semua bahan ini dengan mudah menjadi wap apabila terdedah dan oleh itu boleh dihidu sama ada melalui hidung atau mulut.**

MUNGKIN pada masa ini sebilangan besar daripada orang-orang kita di Brunei telah mendengar atau membaca sesuatu mengenai perbuatan menghidu atau menyeruk gam, di mana ianya telah menjadi satu masalah dan suatu tabiat yang berleluasa di kalangan muda-mudi di seluruh dunia. Kejadian menghidu gam julung-julung kalinya diketahui di dalam Negara Brunei Darussalam hanya pada beberapa tahun yang lalu (1983) dan kita belum lagi mempunyai anggaran mengenai bilangan penghidu. Walau bagaimanapun, kita tidak sepatutnya tidak mengambil kisah tentang masalah ini, kerana ianya boleh berlaku, dan kita perlu berwaspada mengenainya.

Menghidu gam adalah satu tabiat yang dipraktikkan oleh belia-belia belasan tahun, biasanya di kalangan umur 10-16 tahun dengan senghaja menghidu wap-wap daripada gam atau bahan-bahan yang mudah menjadi wap bagi tujuan memperoleh perasaan khayal. Kebanyakan penyalahguna menggunakan gam, dan bahan-bahan pelarut lain yang jarang digunakan ialah sampang rambut, penggilap kuku, minyak pemetik api, minyak petrol, cat pemadam taip dan cecair pembersih kering. Gam-gam yang mengandungi 'toluene' dan 'acetone' adalah yang selalu digunakan. Semua bahan ini dengan mudah menjadi wap apabila terdedah dan oleh itu boleh dihidu sama ada melalui hidung atau mulut. SETIAP HASIL INI MENGANDUNGI SEJENIS RACUN YANG JIKA DIHIDU DALAM JUMLAH YANG BANYAK BOLEH JUGA MENGAKIBATKAN KEMATIAN.

Mengenai cara penggunaannya, setengah menghidunya terus daripada bekas penyimpannya dan setengah pula menghidunya daripada kantung plastik. Apakah hasil daripada menghidu ini? Pada peringkat permulaan seseorang penghidu akan mendapat kesan yang membangkitkan perasaan mabuk dan khayal. Kemudian diikuti pula dengan mendengar bunyi-bunyi berdesing, penglihatan kabur, sakit dada, pening, muntah, sakit perut, sakit kepala, pertuturan tidak jelas, mengantuk dan akhirnya boleh menyebabkan kepada tidak sedarkan diri. DI BAWAH PENGARUH GAM, SETENGAH MUNGKIN MENJADI GANAS, MELAKUKAN JENAYAH DAN TINGKAH LAKU ANTI-SOSIAL YANG LAIN. MENGHIDU BAHAN-BAHAN PELARUT BOLEH MEMBAWA KEPADA KEMATIAN YANG SERTA-MERTA DISEBABKAN OLEH DEBAR JANTUNG YANG TIDAK TENTU, SERANGAN PENYAKIT JANTUNG ATAU JANTUNG YANG TERSUMBAT. AKIBAT-AKIBAT KEMATIAN IALAH DARIPADA TERJUN DARI TINGKAP YANG TINGGI, BERJALAN KE DALAM LALULINTAS, LEMAS ATAU KADANGKALA OLEH SEBAB SESAK NAFAS DARIPADA KANTUNG-KANTUNG PLASTIK KETIKA PENGHIDU ITU DI DALAM KEADAAN KEPENINGAN DAN KEKACAUAN. DI UNITED KINGDOM, DARI TAHUN 1971 HINGGA 1981 TERDAPAT 140 KEMATIAN TELAH DILAPORKAN AKIBAT DARIPADA MENGHIDU GAM DAN BANYAK LAGI MUDA-MUDI YANG SENGSARA DARI KEROSAKAN BADAN YANG BERKEKALAN.

Untuk mendapatkan perasaan khayal dan riang, mereka terus melakukannya dengan sering lagi, dan untuk mendapatkan kesan yang sama mereka terpaksa menghidu jumlah yang lebih banyak dari masa ke semasa. Juga ada suatu peringkat bilamana kanak-kanak itu tidak dapat meninggalkan tabiat menghidu ini sama sekali.

Mujurlah kebanyakan penghidu menghentikan tabiat itu apabila mereka mencapai umur 18 tahun. Tetapi ada segelintirnya pula yang terus menjadi penghidu-penghidu ketagih. Walaupun tidak ada kenyataan tentang menghidu gam boleh menjadikan seseorang kepada penagih bahan-bahan lain, telah didapati segolongan kecil penghidu gam yang berlarutan akhirnya telah menjadi penagih dadah. BAHAYA DARIPADA MENGHIDU GAM YANG BERLARUTAN IALAH KEROSAKAN JANGKA PANJANG KEPADA OTAK, JANTUNG, HATI, BUAH PINGGANG DAN SISTEM URAT SARAF.

Siapakah penghidu-penghidu gam itu? Muda-mudi yang menyalahgunakan gam dan bahan-bahan pelarut terutama sekali untuk lari daripada suasana kekusutan, tekanan di sekolah dan latar belakang keluarga. Kebanyakan penghidu menghidu sebagai sebahagian daripada kegiatan kumpulan dan sebagai satu cara untuk menjadi mabuk dan khayal. Penyalahgunaan gam boleh datang daripada mana-mana golongan masyarakat tetapi lebih sering daripada keluarga yang tertindas. Sebab-sebab lain ialah kerana ingin merasa sendiri dan meniru-niru tabiat orang lain.

Para ibu bapa, guru-guru dan orang-orang dewasa yang lain semestinyalah akan dapat mencamkan kanak-kanak sedemikian. Kanak-kanak ini boleh kehilangan nafsu makan dan mempunyai wajah yang menampakkan di dalam kekhayalan. Dia mungkin berkeadaan muram dan mudah naik darah. Perhatikanlah muda-mudi yang mempunyai bintik-bintik dan tanda-tanda merah di keliling mulut dan hidung mereka serta berperangai seperti orang mabuk. Awda boleh menghidu bau bahan-bahan pelarut yang kuat di sekeliling orang itu dan melihat bekas-bekas gam pada pakaiannya.

Apa yang dapat dilakukan ialah memberikan pendidikan kepada kanak-kanak tentang bahaya-bahaya akibat daripada menghidu bahan-bahan pelarut atau gam dan cuba menolong kanak-kanak yang mempunyai rumahtangga yang pincang, mempunyai masalah terhadap pelajaran atau kesempitan kewangan. Kita sebagai orang dewasa juga mesti mencari jalan dan cara untuk mendapatkan ratusan kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur yang sama untuk dinasihatkan agar tidak disesatkan oleh pengaruh-pengaruh demikian. Sudah tentu orang-orang kita di Negara Brunei Darussalam ini tidak akan ingin menyaksikan muda-mudi yang telah dirosakkan oleh penyakit sosial ini yang mana ianya dapat dielakkan, kiranya para ibu bapa dan belia-belia sentiasa berwaspada dan perpengetahuan tentang bahayanya.



PERWAKILAN Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang menghadiri itu ialah dari kiri Awang Haji Mohd Hassan bin Haji Awang Timbang, Awang Haji Domeng bin Haji Abdul Wahab, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Ahmad dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussin selaku Ketua Perwakilan.

# PPNB SUMBANG US$1,500

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan US $1,500 kepada Yayasan Pengakap Sedunia (World Scout Foundation) di Persidangan ke-30 Pengakap Sedunia di Munich, Republik Persekutuan Jerman pertengahan bulan Julai lepas.

Sumbangan itu telah disampaikan kepada Pengerusi yayasan itu, Dr. Fritz Vollmer.

Pesuruhjaya bagi Perhubungan Awam dan Penerbitan, Awang Haji Domeng bin Haji Abd. Wahab, dalam persidangan lima hari dari 15 - 19 Julai itu, beberapa ketetapan telah diambil di antaranya ialah International Year of Shelter for Homeless — 1987; Tabung Kerjasama Hidupan Liar Sedunia, Paris sebagai tempat Persidangan Pengakap Sedunia kali ke-32 dan Seoul, Korea sebagai tempat Jambori Sedunia kali ke-17.

Perwakilan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam ke persidangan itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam selaku Ketua Perwakilan; Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, Pesuruhjaya Antarabangsa; Awang Haji Mohd. Hassan bin Haji Awang Timbang, Ketua Pesuruhjaya Kerja; dan Awang Haji Domeng bin Haji Abd. Wahab, Pesuruhjaya bagi Perhubungan Awam dan Penerbitan.



SUDUT pameran yang disertai oleh perwakilan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

## Makluman

BERIKUTAN dengan merebaknya Penyakit Kuku dan Mulut di negara jiran kita Malaysia, adalah dengan ini diumumkan bahawa kemasukan dan import binatang dari atau melalui negara tersebut adalah diharamkan buat sementara ini sehingga satu tempoh yang akan diumumkan kemudian.

Maka dengan itu juga, Jabatan Pertanian tidak akan mengeluarkan surat kebenaran bagi memasukkan binatang dari negara tersebut.

Orang ramai khasnya penternak-penternak di negara ini adalah diingatkan supaya berjaga-jaga dan melaporkan kepada Pejabat Pertanian yang berdekatan sekiranya terdapat sebarang penyakit ternakan yang menyerupai atau disyaki Penyakit Kuku dan Mulut.

# rtb intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# MUSIM HAJI TIBA LAGI

BAGI setiap menjelangnya bulan Zulkaedah, perkara tinggal-meninggalkan kaum keluarga, sanak saudara, memangnya lumrah mengambil tempat di kalangan kita umat Islam di tanahair kerana seperti yang dimaklumi, inilah waktunya umat Islam mengerjakan Rukun Islam yang kelima, iaitu menunaikan fardu haji di Mekah.

Apakah yang lebih berharga bagi seseorang yang ditinggalkan selain dari khabarberita dari orang yang meninggalkannya ? Mungkin dalam tempoh peninggalan tersebut, ianya adalah lebih bernilai dari segala-galanya. Sebagai sebuah media yang boleh mendapatkan berita secara ekspres, khidmat radio memang tidak dapat dinafikan pentingnya dalam saat-saat begini; lebih-lebih lagi terhadap kaum keluarga jemaah-jemaah haji.

Dalam musim begini, dengan sendirinya pihak radio juga turut 'menghantar' kepergian dan akan 'menyambut' ketibaan jemaah-jemaah haji kita dengan cara membuat liputan dan siaran mengenainya bermula daripada penerbangan yang pertama hinggalah penerbangan yang ketujuh.

Apa yang menjadi harapan radio, semogalah segala khidmat baktinya akan benar-benar dapat memberikan panduan terutama sekali terhadap kaum keluarga yang tidak sempat melihat sendiri akan keadaan dan suasana yang mengambil tempat di Lapangan Terbang Antarabangsa kita. Melalui ulasan dari juru-juru ulas kita, sedikit sebanyak akan dapatlah pendengar membuat gambaran tentang suasana kesibukan di sana.

Pihak radio tidaklah hanya semata-mata akan menarik perhatian terhadap pergolakan yang mengambil tempat di Lapangan Terbang Antarabangsa bagi setiap kali ada penerbangan haji, malahan juga pendengar akan dapat mengikuti beberapa penerangan mengenai dengan persediaan yang telah dibuat di Kota Suci Mekah oleh pegawai-pegawai haji kita yang telah pun dilantik. Ini dilakukan melalui perhubungan telefon yang lebih awal disediakan oleh pegawai-pegawai rancangan yang berkenaan.

Di samping itu juga, ianya akan diselang-selikan dengan temuramah-temuramah dengan wakil dari sistem penerbangan yang berkenaan dengan urusan haji. Dari masa ke semasa kami seboleh-bolehnya akan memuatkan sebarang berita terbaru atau sebarang kemungkinan perubahan terhadap jadual penerbangan.

Seperti juga tugas pegawai-pegawai rancangan di hari-hari pemergian jemaah-jemaah haji, begitulah juga nanti tugas mereka ketika menyambut kedatangan mereka ke tanahair. Ulasan selari dan pengumuman mengenai penerbangan juga akan dikeudarakan sama seperti sebelumnya.

Marilah kita sama-sama mendoakan agar saudara-saudara kita yang menunaikan fardu haji tahun ini akan selamat pergi dan kembali ke tanahair dengan mendapat haji yang mabrur. AMIN . . .

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

PESERTA yang mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini ialah Dayang Zuraina Mohd Noor yang beralamat B-1 Barik Bandaran, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan. Dan rancangan ini seperti biasa disiarkan pada hari Selasa 6 Ogos, 1985 jam 4.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Lina Ali.

# MUTIKA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KETIGA

RANCANGAN Separuh Akhir Ketiga Mutika 1985 akan dapat awda saksikan di kaca TV pada hari Sabtu 3 Ogos, 1985 mulai jam 8.35 malam. Peserta-pesertanya terdiri dari Roslin Daud, Idrus Idris, Kamis Nasir, Abdullah Haji Tahir, Tuminam Timbang, Samat Yusof, Awangku Elidin Pengiran Emran dan Asimah Bungsu.

## Sandiwara Radio:

# "DI BALIK TIRAI"

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul DI BALIK TIRAI, tulisan Hadzri Abdul Talip, Ipoh Perak.

Karya yang bertemakan cinta ini, mengemukakan watak-watak utama Zainah dan Kamal. Mereka berdua telah lama bersahabat rapat, tapi walaupun begitu mereka tidak pernah berbincang tentang perkahwinan.

Hal perkahwinan ini hanya timbul setelah Kamal memberitahu Zainah yang mak saudaranya telah berura-ura hendak menjodohkannya dengan anak dara kawan sekampungnya. Mendengarkan hal ini, Zainah pasti saja terkejut. Bagi Kamal pula, ia lebih bersedia menyerahkan perjalanan hidupnya pada takdir. Dalam pandangannya, walaupun persahabatannya dengan Zainah sudah mengambil masa yang lama, ianya tidak menjamin untuk mereka hidup di bawah satu bumbung.

Masalah yang Kamal alami itu seakan terbalik pula pada Zainah. Apabila saja ia pulang ke kampung menemui ibunya, ibunya tiba-tiba mendesaknya untuk kahwin dengan seorang pemuda yang belum pernah mereka kenali. Semua ini adalah cadangan dari Mak Cik Rahmah yang berhasrat untuk menjodohkan Zainah dengan anak saudaranya sendiri. Walaupun Zainah memberikan berbagai alasan untuk menolaknya, tapi ibunya seboleh-bolehnya ingin melihatnya berumahtangga sebelum ia menutup mata.

Sebelum mengambil kata putus, Kamal sependapat dengan ibunya hendak melihat sendiri bakal tunangnya itu. Setelah hari dan waktunya ditentukan, mereka pun pergi ke rumah bakal tunangan Kamal itu.

Apabila saja saat memperkenalkan itu tiba, Kamal terus ketawa terbahak-bahak. Apakah yang menyebabkan Kamal geli hati? Bagaimanakah keputusannya setelah melihat sendiri bakal tunangannya? Untuk kepastiannya, ikutilah sandiwara ini melalui siarannya pada 4 Ogos jam 11.15 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Haji Abdullah Awang Damit.



## Tetamu Radio

TETAMU undangan minggu ini merupakan seorang penyanyi veteran dari Daerah Belait. Beliau ialah AWG MOHD ZAIN OSMAN. Temubual Md Ali Majid bersama beliau akan ke udara pada hari Ahad 4 Ogos jam 4.30 petang. Ulangannya disiarkan hari Rabu jam 2.00 petang.

## Mari Memasak:

# SAMOSA

**Bahan-bahannya :**

¼ lb tepung
¼ lb minyak sapi
sedikit garam
¼ cawan air
Minyak masak.

**Untuk Intinya :**

½ lb ubi kentang
1 biji bawang besar dipotong kasar
1 lb daging kambing panggang (corn mutton yang halal)
1 atau 2 biji lada dipotong
1 atau 2 serbuk kari
sedikit garam.

**Cara-cara Membuatnya :**

Gorengkan bawang dengan minyak, campurkan ubi kentang dan lada, gorengkan sebentar masukkan daging kambing dan campuran kari masaklah hingga kering. Setelah masak simpan untuk disejukkan.

Gaulkan tepung, minyak sapi dan garam hingga sebati, campurkan air untuk membuat satu adunan yang kental. Ulilah adunan tadi dan bentukkan menjadi potongan kecil setebal ¼ inci. Potongan tadi dipotong dua untuk mendapatkan bentuk tiga segi, bakar potongan adunan tadi dengan inti yang disejukkan tadi. Tutup tepinya rapat-rapat dan goreng sehingga kuning. Hidangkan panas-panas bersama sos kesukaan puan-puan sendiri.

## Rancangan TVP dari 5 Ogos hingga 7 Ogos 1985

### Isnin 5 Ogos

PAGI

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Udara 2).

Rancangan ini adalah bahagian kedua bagi rancangan mengenai udara. Dalam rancangan ini Cikgu Amdan akan menghuraikan mengenai :

a) Bumi diseliputi oleh udarakasa
b) Udara mempunyai berat
c) Tekanan udara
d) Paru-paru dan pernafasan
e) Udara boleh di mampatkan.

Untuk mengetahui lebih lanjut lagi ikutilah rancangan ini.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds And Animals In Brunei Darussalam)

Siri ini membawa murid-murid melawat ke tempat binatang dan burung, seterusnya mengajar mengenali beberapa jenis nama binatang dan burung yang terdapat di Brunei Darussalam.

Di Magic Pool Izat dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'q'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai Tiga Orang Pemuda Adik Beradik.

10.05 MARI BERCERITA (Bangau Dengan Anak Ikan Seluang)

Kisah seekor burung bangau yang sedang mencari makan di tepi pantai, dan terjumpa dengan seekor anak ikan seluang. Tetapi anak ikan seluang berusaha untuk melepaskan diri. Apakah anak ikan seluang berjaya untuk melepaskan diri? Sama-samalah kita ikuti kisah selanjutnya.

### Selasa 6 Ogos

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Udara 2).

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds And Animals In Brunei Darussalam)

10.05 MARI BERCERITA (Peladang Dengan Kerbau)

Seorang peladang baik hati mempunyai 2 ekor kerbau. Suatu hari datang seorang budak nakal dan membawa lari kerbau peladang itu dan peladang telah berjumpa penghulu untuk mengadu tentang kehilangan kerbaunya itu. Apakah yang dilakukan oleh penghulu dan apakah yang terjadi kepada budak itu? Sama-samalah kita saksikan nanti.

### Rabu 7 Ogos

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Udara 2).

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Birds And Animals In Brunei Darussalam)

10.05 MARI BERCERITA (Burung Gagak Dengan Burung Camar)

Cerita ini mengisahkan seekor burung gagak yang sombong. Suatu hari ia ternampak beberapa ekor burung camar sedang bermain-main di tepi pantai dan irihati melihat warna bulu burung camar yang putih dan ingin berkawan dengan burung camar. Burung gagak berusaha untuk gagak merubah bulunya menjadi putih. Berjayakah burung gagak merubah bulunya menjadi putih. Dan apakah yang terjadi selepas itu? Sama-samalah kita saksikan kisahnya nanti.

# HARI KEBA
# DI TSU



MENTERI Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ketika berucap dalam upacara sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Tsukuba Expo '85 pada 19 Julai yang lalu.

HARI Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diraikan di Tsukuba Ekspo '85 pada hari Jumaat 19 Julai yang lalu.

Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah sebuah dari 47 buah negara yang menyertai Eksposisi Antarabangsa yang diadakan di Bandar Raya Tsukuba, Jepun.

Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib dan Datin telah mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha di upacara sambutan itu. Lebih dari 500 orang telah dijemput untuk menghadiri sambutan yang diadakan di Expo Plaza itu.

Sambutan pada hari itu dimulakan dengan menaikkan bendera Negara Jepun dan bendera Negara Brunei Darussalam dan diikuti oleh lagu kebangsaan negara masing-masing.

Setelah itu ucapan a
disampaikan oleh Tuan Y
Awang Katsuichi Ikawa
Pesuruhjaya Am bagi E
tarabangsa Tsukuba dan
mat Awang Fujio Tak
Pengerusi Persatuan E
tarabangsa Jepun.

Ini diikuti dengan uc
Pembangunan Nega
Darussalam Yang Dimu
Orang Kaya Setia Pahlaw
Setia Awang Abdul Rahma

Upacara pada hari
dengan persembahan
Negara Brunei Darussalam
bahkan oleh satu
kebudayaan dari K
Kebudayaan, Belia dan Su

Setelah selesai perse
mengambil masa kira-kira
jlis berpindah ke Theme
jauh dari Expo Plaza d

Laporan oleh : Pengiran Abd. Hamid

Gambar-gambar : Haji Sharbini Taha





KUMPULAN penari dari rombongan kebudayaan ketika mempersembahkan salah sebuah tarian di atas pentas di kawasan Jumbo-TRON yang ditayangkan selangsung melalui peti TV kepunyaan SONY yang besarnya setinggi bangunan 16 tingkat (seperti kelihatan gambar atas). Gambar kanan pula kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan dan Datin bersalaman dengan ahli-ahli rombongan kebudayaan di luar Balai Pameran Brunei Darussalam.

## Persembahan kebudayaan dapat sambutan hangat

PERSEMBAHAN kebudayaan oleh rombongan kebudayaan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam di Tsubuka Expo '85 pada pertengahan bulan ini telah mendapat perhatian dan sambutan dari orang ramai.

Rombongan seramai 27 orang itu diketuai oleh Awang Sumadi bin Sukaimi, Pemangku Ketua Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Mereka telah membuat persembahan yang pertama di Expo Plaza iaitu sebahagian dari acara sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Dalam majlis itu mereka telah mempersembahkan 12 acara — enam buah tarian, tiga nyayian, persembahan pencak silat dan permainan guriding.

Acara pada hari itu dimulakan dengan persembahan nyayian "Kampong Ayer" oleh Awang Zulkifli bin Haji Tengah dan diakhiri dengan Adat-Istiadat Perkahwinan Orang Melayu Brunei.

Kira-kira 2,000 orang telah menyaksikan persembahan yang memakan masa kira-kira sejam itu.

Rombongan tersebut juga membuat dua persembahan di atas pentas di hadapan Jumbo-TRON. Kedua-dua persembahan ini juga mendapat perhatian dari orang ramai.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman dan Dato Sidek Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ketika menyaksikan robot yang boleh bermain piano di Balai Pameran Theme.

# AN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DIRAI
# EXPO '85

n Pehin Orang Kaya Setia
Dato Seri Setia Awang Abdul
meraikan jemputan-jemputan
m majlis jamuan makan tengah

majlis itu, Yang Dimuliakan
n Datin dibawa menyaksikan
buah balai pameran termasuk
ameran Negara Brunei
m.

an-sambutan Hari Kebangsaan
ap negara yang mengambil
dalam ekspo tersebut telah
sejak ianya dimulakan dalam
tahun ini. Di samping itu hari-
bagi pertubuhan antarabangsa
rtubuhan Bangsa-bangsa Ber-
telah diraikan di ekspo

ja 23 Julai yang lalu sebanyak
negara telah meraikan Hari
an masing-masing. Negara
dalah yang pertama meraikan

Hari Kebangsaan iaitu pada 28 Mac manakala Nepal merupakan negara terakhir meraikan Hari Kebangsaan iaitu pada 12 September depan — empat hari sebelum ekspo tersebut berakhir.

Setiap negara yang meraikan Hari Kebangsaannya telah diberikan penghormatan khas. Filem-filem mengenai perkembangan kebudayaan serta kehidupan sehari-hari negara-negara berkenaan telah ditayangkan di peti TV Jumbo-TRON bagi memberikan peluang kepada pengunjung-pengunjung ke ekspo tersebut untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sesebuah negara yang mengambil bahagian.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mendapat penghormatan tersebut. Filem-filem mengenai sejarah serta perkembangan negara kita juga telah ditayangkan dan lagu-lagu asli Brunei juga dimainkan sepanjang hari melalui pembesar suara yang dipasang di seluruh kawasan ekspo.




Pemandangan di luar Balai Pameran Negara Brunei Darussalam di Tsukuba Expo '85.



an bawah kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri
an ketika menyaksikan pameran di Balai Pameran Brunei Darussalam.



# Lebih sejuta melawat ke Balai Pameran Brunei

BALAI Pameran Negara Brunei Darussalam di Tsukuba Expo, Jepun telah mendapat sambutan hangat dari pengunjung-pengunjung ke ekspo tersebut. Sehingga 22 Julai lalu seramai 1,054,612 orang telah melawat ke Balai Pameran kita iaitu kira-kira 10 peratus dari jumlah seramai lebih 12 juta yang berkunjung ke ekspo tersebut.

Bilangan pelawat ke Balai Pameran Brunei Darussalam yang paling ramai ialah pada 5 Mei yang lalu – hari kelepasan bagi menyambut Hari Kanak-kanak. Pada hari tersebut seramai 27,340 telah melawat Balai Pameran kita.

Walaupun Negara Brunei Darussalam pernah menyertai beberapa pameran di luar negeri, tetapi ia adalah buat pertama kalinya negara kita mengambil bahagian dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, penyertaan negara kita dalam pameran di Tsubuka itu akan dapat memberikan gambaran yang jelas kepada lain-lain negara mengenai dengan perkembangan dan kemajuan negara kita.

Balai Pameran Negara Brunei Darussalam di Tsubuka Expo itu di bawah kelolaan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan.

Rekabentuk Balai Pameran yang menelan belanja kira-kira B$1.6 juta itu diusahakan bersama oleh Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Dato Sidek Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Syarikat Mitsubishi.

Balai Pameran itu mengandungi gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, gambar-gambar sejarah, kebudayaan, Kampong Ayer, kehidupan harian dan lain-lain yang berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan negara. Perusahaan carigali minyak, hasil pertukangan perak dan hasil kerjatangan juga dipamerkan.

Sebuah filem dokumentari sekitar Pemasyhuran Kemerdekaan, kegiatan-kegiatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, adat istiadat perkahwinan orang-orang Brunei, perusahaan carigali minyak, Pelabuhan Air Dalam Muara, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei serta kegiatan-kegiatan sukan juga ditayangkan di Balai Pameran tersebut.

Tsubuka Expo '85 adalah pameran antarabangsa yang ketiga diadakan di Jepun. Pameran yang pertama iaitu Japan World Exposition, Osaka yang diadakan dalam tahun 1970 dan yang kedua International Ocean Exposition, Okinawa, Jepun dalam tahun 1975.

Nama rasmi bagi pameran ini ialah Pameran Antarabangsa, Tsubuka Japan 1985 dan nama ringkas ialah Tsubuka Expo '85.

Pameran yang bertemakan 'Tempat tinggal dan sekitarnya – Sains dan Teknologi bagi lelaki di rumah" diadakan di Tsubuka Science City di satu kawasan seluas 252 ekar.

Pameran tersebut diadakan selama 184 hari dan akan berakhir pada 16 September, 1985.



Sebahagian dari orang ramai yang mengunjungi Balai Pameran Brunei Darussalam.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 31 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 PULLOVER: "Balloon"
5.00 ANIMAL IN ACTION: "A Grunt, A Squeal And A Whistle"
5.30 FAMILY TIES: "Help Wanted"
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET (Siri baru)
6.30 TEKA TEPAT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES: "Prize"
7.53 AZAN ISYAK
7.57 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DOK: Iban Di Mukim Melilas
9.35 HUNTER: "The Shooter"
Penunggang motosikal misteri berpakian serba hitam digelar "The Shooter" menembak mangsa-mangsanya.
10.35 BUFFALO BILL
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 1 OGOS

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES: Posy And Sen/The Hat"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE: "Masters Of The High Steppes"
6.30 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "U.K.: Equador"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Forgotten Melodies"
Cary menolong seorang yang "pelupa" untuk mengenal dirinya dan menemukannya dengan mereka yang menyayangi dan menunggu akan ketibaannya.
7.51 AZAN ISYAK
7.55 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAIIAN HEAT: "Ancient Fires"
Andy dan Mac cuba mengesan seorang gadis yang hilang ketika satu majlis perayaan tempatan sedang berlangsung.
10.35 WAYNE AND SHUSTER: "Jack And Hyde" Bhg I
11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Summer Fantasy"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 2 OGOS

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (ulangan)
1.00 THE TRADITIONAL WORLD OF (ulangan) ISLAM: "The Pattern of Beauty"

**PETANG**

1.25 THE YEARLING: "Growing Pains"
1.55 THAT'S INCREDIBLE
2.30 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA: "Mutiara Dan Asmara"
3.20 E. R. (Rancangan Komidi Baru)
3.20 WEBSTER
3.48 AZAN ASAR
3.52 WORLD OF SPORTS
4.50 CHILDREN'S ISLAND
5.20 PROFILES OF NATURE: "The Loon"
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI 'V': "Secret Underground"
Julie dan Donovan memasuki kapal angkasa lepas mahluk asing untuk mendapatkan lis kumpulan Resistance yang telah diterima oleh Diana.
7.51 AZAN ISYAK
7.55 SIRI 'V' — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: "Kasih Ibu"
10.50 MAGNUM: "Man From Marseille"
10.40 DALLAS: "Trial And Error"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 3 OGOS

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "The Baker"
6.30 I DREAM OF JEANNIE: "Eternally Yours, Jeannie"
Satu pertemuan telah disangka berlaku di antara isteri Tony dengan bekas temanitanya.
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST TIMES: "Sweetheart"
Satu perjumpaan guru dengan penjaga mengenai masalah seorang penuntut menghasilkan perhubungan romantik kepada Joanne.
7.51 AZAN ISYAK
7.55 THE BEST TIMES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUTIKA SUKU AKHIR No. 3
9.40 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Sepasang Merpati"
11.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Days Of Heaven"
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 4 OGOS

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL: ROCK ALIVE
12.30 AZAN ZUHUR
12.34 MUSICAL — sambungan
12.50 TAYANGAN GAMBAR: "Its Good To Be Alive"
Selepas satu kemalangan teruk yang menghancurkan kariernya, jaguh pemain baseball Roy Campanella berusaha untuk kembali kepada kehidupang biasa. Pelakon-pelakon: Paul Winfield, Ruby Dee, Lon Gossett, dll.

**PETANG**

2.30 SUPERGRAN: "Supergran And The Raid On Race Day"
3.10 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
3.30 BENSON: "The Campaign"
3.48 AZAN ASAR
3.53 BENSON — sambungan
4.10 TRAPPER JOHN MD: "My Son, The Doctor"
5.10 CHILDREN'S SPECIAL: "Little Mo Bhg 2"
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR T: "Fade Out At 50,000 Feee"
6.30 CHARLES IN CHARGE: "The Wrong Guy"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FLYING DOCTOR
7.51 AZAN ISYAK
7.55 FLYING DOCTOR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SELEKTA DANGDUT
9.25 HAND AND EYE: "Touch Wood"
9.50 IT TAKES TWO
10.20 JESSIE: "In The Line Of Duty"
11.20 FOX MYSTERY THEATRE: "Distant Scream" Bhg. I
Harris difitnah membunuh kekasihnya Rosemary. Dia menghadapi hukumannya sebatang kara di penjara. Bagaimanakah dia membela dirinya bahawa dia tidak bersalah?
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 5 OGOS

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE SMURFS: "The Chief Record Smurf"
5.00 MIGHTY ORBOTS: "The Dreamlock"
5.30 THE MAKING OF A CONTINENT: "The Price Of Gold" (ulangan)
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MAKING OF A CONTINENT — sambungan
6.25 TEKA TEPAT
6.40 AZAN MAGHRIB
6.50 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING:
Lee dan Amanda terpaksa memalsukan perkahwinan dan bulan madu mereka di sebuah kapal demi untuk mendedahkan sekumpulan penye udup senjata api yang merbahaya.
7.51 AZAN ISYAK
7.55 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Samosa"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.21 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY: River Journeys "Rio Sao Fancisco"
10.40 FALCON CREST
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 6 OGOS

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "The Piper At The Gate of Dawn"
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "The Way Of The Jackal"
Serigala (jackal) dianggap sebagai binatang pemalas kerana memperoleh makanan-makanannya dari rimahrimahan makanannya. Sebenarnya binatang ini juga terpaksa memburu untuk kehidupan seperti yang akan dapat kita saksikan dalam rancangan ini.
5.30 THE LITTLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 NOVA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.50 AZAN ISYAK
7.54 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 REKASENI
10.05 MIKE HAMMER: "Catfight"
Ada tiga tekateki yang berkaitan dengan pesaka enam juta dolar yang ditinggalkan oleh sekumpulan samsing kepada tiga wanita cantik. Hammer ingin benar membantu mereka menemukan pesaka itu kerana ini boleh menolongnya mengetahui pembunuh seorang kawannya.
11.00 1985 GUINNES WORLD CUP SNOOKER Bhg. II
11.30 SIARAN TAMAT.



ADEGAN dari SUMMER FANTASY, seperti jua judulnya, ialah sebuah kisah romantik di musim bunga (summer) — tayangan gambar esok kira-kira jam 11.00 malam.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 31 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 1 OGOS

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Sekitar Masyarakat.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Nada Pedoman (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 2 OGOS

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutika '85 Separuh Akhir siri 2, 11.30 — Bimbangan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Lagu-lagu Asli, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00—Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

## HARI SABTU 3 OGOS

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 4 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Se ingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 5 OGOS

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari (siri ke-2), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 6 OGOS

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 —Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 37th Aldeburgh Festival: City of Birmingham Symphony Orchestra — Prog. 1 (side 2 of 2) |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | Talking About Music — 261/270. |

### THURSDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: The Old Man Sleeps Alone by John Arden |
| 9.30 | Jazz at the Questors (Prog. 4 side 1 of 3) |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Islam In Daily Life — Interest In Islam — 30/30 (continued) |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 672. |
| 11.30 | Children's Half Hour by Azizah Abdullah |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | BBC Scottish Radio Orchestra — 1/6. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 361/436. |
| 1.15 | Book Club: The Borrowers by Mary Norton — A classic story for children dan grown-ups — 3/5. |
| 2.45 | Fifteen-Minute Theatre: Mother Fingure — a comedy based on maternal instinct by Alan Ayckbourn. |
| 3.00 | Calling On You by Ak Hishamuddin. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | Islam In Daily Life (repeat) |
| 8.15 | The World of Books. |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: Grundy by Haydn Wood — a ghost story recorded on location in binaural stereo. |
| 9.30 | Its All Yours (repeat). |

### SATURDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time |
| 8.30 | Animal, Vegetable or Mineral — 32/46. |
| 9.00 | Hawaiian Melodies |
| 9.30 | Top of The Pops — 1078. |

### SUNDAY

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Date With ...... produced by Ak Hishamuddin |
| 11.30 | Hitsville USA — The story on Motown — Postscript — 11/11. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week by Ideris Ali. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1078 (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari |
| 2.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | 37th Reiht Lectures Minds, Brains and Science by John Searle — 2/6. |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 9/60. |
| 9.30 | Those Were The Days — 23/26. |

### MONDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: The Power of Dawn by Emlyn Williams. |
| 8.45 | Shakespeare: The Actor's View — Richard Pasco talks about Timon of Athens — 17/24. |
| 9.30 | Jim Reeves and His Music — Part 7 (side 1 of 2). |

### TUESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: KAJAGOOGOO side 1 |

### DAILY

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (relayed from the Malay Service). |
| 7.00 | Brunei's AM, Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence |
| 7.30 | Local News. |
| 7.35 | Tide Times presented by Azizah Abdullah. |
| 7.36 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. Prayer time announcement. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays. |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

# BANGUNAN LATIHAN PENERBANGAN ABDB DIRASMIKAN

BERAKAS. — Bangunan Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dirasmikan oleh Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger pada pagi Jumaat lepas.

Bangunan yang menelan belanja lebih sejuta ringgit itu terletak di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa di sini, dan mempunyai pelbagai kemudahan di antaranya sebuah bilik pejabat, bilik pandang dengar dua buah bilik kuliah, sebuah bilik rehat (crew-room) dan sebuah ruang besar untuk penempatan helikopter.

Menurut seorang jurucakap pasukan itu, pada masa ini terdapat dua jenis helikopter di situ iaitu Bell 212 dan Bell 206 Jetranger.

Bangunan yang siap pada bulan Mac 1985 dan mula digunakan untuk latihan pada bulan April lepas itu bertujuan untuk menjalani latihan teknikal kepada bakal-bakal juruteknik penerbangan tempatan.

Majlis pembukaan rasmi itu diselajurkan juga dengan penyampian Pingat Laila Tugas kepada 20 orang penuntut tahun tiga Skim Latihan Teknikal dua darinya akan melanjutkan pengajian di United Kingdom dalam bidang Avionics.

Lapan orang NCO'S yang telah terlatih juga menerima sijil masing-masing dalam bidang pemeliharaan penerbangan (aircraft technical) dan masa ini mereka sedang bekerja di Squadron 2 Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.




**BANGUNAN** Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



**PEGAWAI Pemerintah Tentera Udara ABDB, Pemangku Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad sedang menyampaikan sijil kepada salah seorang NCO'S yang terlatih dalam bidang pemeliharaan penerbangan.**

# PERBUATAN ROSAK PAPAN LALULINTAS DIKESALI

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin merasa kesal di atas tindakan orang-orang yang tidak bertanggungjawab merosakkan tanda-tanda lalulintas jalan raya dan berharap perbuatan tersebut hendaklah diberhentikan.

Katanya, sejak akhir-akhir ini terdapat orang-orang yang tidak bertanggungjawab telah merosakkan tanda-tanda tersebut di beberapa tempat di Pekan Kuala Belait, Pekan Seria dan perbuatan itu sangat dikesalinya serta berharap ianya tidak akan berlaku lagi.

Awang Haji Puasa menyatakan demikian sejurus sebelum merasmikan Pertandingan Permainan Lalulintas Peringkat Daerah Belait yang berlangsung di taman permainan lalulintas Shell Seria di sini Jumaat lepas.

**PANDUAN KESELAMATAN**

Pertandingan permainan lalulintas merupakan kegiatan tahunan Syarikat Minyak Shell Brunei. Ianya antara lain bertujuan untuk melatih orang ramai terutama kanak-kanak sekolah belajar cara-cara dan tatatertib sewaktu menggunakan jalan raya. Sebanyak 10 buah sekolah seluruh Daerah Belait telah menyertai pertandingan pada hari itu.

Seterusnya Awang Haji Puasa menyatakan lagi tanda-tanda lalulintas yang dipasang di jalan raya itu adalah semata-mata bagi panduan dan keselamatan orang ramai yang menggunakan jalan-jalan raya dan ianya seharusnya tidak dirosakkan.

Perbuatan sedemikian tegasnya membahayakan keselamatan mereka sendiri selain membahayakan orang lain dan beliau meminta kerjasama orang ramai terutama pengguna jalan raya supaya sama-sama bertanggungjawab memelihara dan menjaga tanda-tanda tersebut daripada dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Terdahulu dari itu beliau menjelaskan bahawa tanda-tanda jalan raya merupakan alat penting untuk panduan keselamatan dan ianya semestinya diketahui, dipelajari dan seterusnya dipatuhi oleh setiap pengguna-pengguna demi menjaga keselamatan jalan raya.

## Kejohanan ping pong

MUARA. — Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Jalan Muara di sini dijangka akan menganjurkan Kejohanan Ping Pong sempena menyambut Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Kejohanan ini adalah terbuka kepada kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam. Dari itu borang-borang penyertaan boleh didapati dari sekarang di maktab tersebut pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah dihantar ke alamat tersebut tidak lewat daripada 5 Ogos 1985.

# ANAK-ANAK YATIM DAERAH TUTONG DIRAI

TUTONG. — Kira-kira 200 orang anak-anak yatim yang berumur empat belas tahun ke bawah di daerah ini telah diraikan dalam satu majlis jamuan makan yang berlangsung pada petang Jumaat lepas di Dewan Kemasyarakatan daerah itu.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Muhammad dalam ucapannya selaku tetamu kehormat di majlis itu berseru kepada anak-anak yatim supaya mengisi dada dengan ilmu pengetahuan dan menjauhi daripada melibatkan diri terhadap perkara-perkara yang kurang baik, seperti kegiatan jenayah dan ketagih dadah.

Menurutnya, kedua-dua perkara ini adalah dianggap sebagai perkara yang paling dibenci yang boleh menjatuhkan imej negara dan juga masyarakat serta kehidupan anak-anak yatim sendiri.

**MENJAMIN**

"Berjinak-jinaklah dengan pelajaran, kerana dengan pelajaran sajalah akan dapat menjamin masa depan kamu," jelasnya.

Lebih-lebih lagi, tambahnya, peluang-peluang untuk belajar terbuka luas kepada sesiapa saja di negara ini, termasuk peluang bagi melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang setinggi-tingginya.

Beliau juga berharap agar segala bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan dari orang-orang persendirian tidak akan diabaikan oleh anak-anak yatim.

Tetamu kehormat Awang Abdul Aziz bin Muhammad di dalam majlis tersebut juga telah berkesudian bagi menyampaikan hadiah-hadiah kepada anak-anak yatim.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Majlis Awang Jalil bin Haji Abd. Latif. Dan ucapan terima kasih dari wakil anak-anak yatim yang disampaikan oleh Dayang Surhayati binti Sabli.



**PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Muhammad ketika menyampaikan hadiah-hadiah kepada anak-anak yatim Daerah Tutong — Gambar oleh Harun Rashid.**

## Perkhidmatan Perubatan ke pedalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan membuat lawatan ke kampung-kampung pedalaman sepanjang bulan Ogos ini pada tarikh-tarikh yang telah diaturkan.

Pada 5 Ogos rombongan perkhidmatan perubatan itu akan melawat Kampong Melilas, 6 Ogos Kampong Supon Besar, 7 Ogos Kampong Long Mayan, 12 Ogos Kampong Bukit, 13 Ogos Kampong Teraja dan Apak-Apak, 14 Ogos Kampong Buau, 19 Ogos Kampong Benutan, 20 Ogos Kampong Mapol, 21 Ogos Kampong Lopat, 26 Ogos Kampong Biang Menengah dan Lamaling dan 28 Ogos Kampong Ukong.

# PAMERAN URUSAN RUMAHTANGGA DI DAERAH TUTONG

Oleh Zubaidah H.S.

TUTONG. — Persatuan Pertiwi cawangan Daerah Tutong sekali lagi pada tahun ini diberi kepercayaan bagi menganjurkan Pameran Urusan rumahtangga dan hasil kerja tangan sempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Pameran yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Kemasyarakatan Tutong telah dibuka rasmi oleh Yang Berbahagia Isteri Pegawai Daerah Tutong Dayang Mariam binti Haji Ali.

Pameran Urusan Rumahtangga dan Hasil Kerja Tangan ini adalah merupakan satu-satunya acara yang menarik dan ditunggu-tunggu oleh kaum wanita pada setiap tahun menjelangnya sambutan-sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Di dalam pameran serupa inilah kaum wanita berpeluang bagi mempamerkan kebolehan-kebolehan mereka dalam berbagai-bagai bidang termasuk masak-memasak, jahit-menjahit dan mengubah berbagai-bagai jenis gubahan.

Menurut Yang Berbahagia Dayang Mariam binti Haji Ali di dalam ucapan perasmiannya menyatakan bahawa tahun ini adalah tahun kedua negara kita mencapai semula taraf kemerdekaannya dan dengan ini sudah setentunya sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat peranan setiap kaum masyarakat adalah bertambah berat dan mencabar dan ini tidak terkecuali bagi kita kaum wanita.

Justru itu, beliau mengingatkan kaum wanita di daerah itu, supaya mereka menceburi diri dalam apa jua bidang dan jurusan yang berfaedah untuk ugama, bangsa dan negara dan bukan hanya berpeluk tubuh.

Lebih-lebih lagi, jelasnya, negara kita telah banyak terdedah kepada dunia luar semenjak menjadi anggota beberapa pertubuhan dunia termasuklah Asean di mana kaum wanita juga dikehendaki memainkan peranan aktif dalam sama-sama memajukan negara supaya setanding dengan negara-negara yang telah maju.

Menyentuh tentang peranan yang diadakan pada hari tersebut, Yang Berbahagia Dayang Mariam merasa bangga atas sambutan yang telah diberikan oleh kaum wanita di daerah itu yang dari tahun kesetahun ramai yang menunjukkan minat mereka dan beliau berharap usaha-usaha yang ada itu akan dapat dijadikan sebagai satu batu loncatan untuk menceburi dalam bidang-bidang yang lebih mencabar.

Terdahulu dari itu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Pameran Datin Hajjah Hashum binti Haji Zainal Abidin.

Sebanyak 17 jenis pameran dari bahagian masakan, jenis kuih muih, sulaman dan gubahan telah dipertunjukkan. Hadiah-hadiah kepada pemenang dalam semua bahagian telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dayang Mariam binti Haji Ali yang mana pemenang pertama dalam semua bahagian telah dimenangi oleh Dayang Rohaya Ahmad, tempat kedua Dayang Sapura Haji Jais dan tempat ketiga dimenangi oleh Hajjah Asmah binti Haji Lahid.

Masjlis itu telah diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Dayang Shamsiah bte Asmat dan seterusnya tetamu kehormat dan jemputan khas dipersilakan bagi menyaksikan pameran.



ISTERI Pegawai Daerah Tutong, Dayang Mariam binti Haji Ali (kanan) bersama-sama Pengerusi Pameran ketika menyaksikan berbagai-bagai jenis masakan yang dipamerkan. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



YANG Berbahagia, Dayang Mariam binti Haji Ali ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang kedua dalam semua bahagian Dayang Sapura Haji Jais. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



AWANG Haji Hashim bin Haji Safar, wakil Persatuan Kampong Saba yang menjadi johan Peraduan Tanglung Berjalan Kaki Bahagian Persatuan Kebajikan dan Belia sedang menerima hadiah dari tetamu kehormat, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin.

# Penyampaian hadiah Peraduan Tanglung Berjalan Kaki dan Kereta Berhias

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyampaian hadiah Peraduan Tanglung Berjalan Kaki, Kereta Berhias, Pakaian Anekaragam, Pancaragam Maktab Sekolah Menengah serta Basikal Berhias sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun telah berlangsung pada malam Khamis lepas di Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 bagi Daerah Brunei Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin telah menyampaikan hadiah-hadiah di majlis itu.

Johan bahagian Tanglung Berjalan Kaki bagi Maktab, Sekolah Menengah ialah Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Anak Damit, naib johan, Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal dan tempat ketiga, Pusat Tingkatan Enam.

Bahagian Kampung-Kampung, johan ialah Belia-Belia Kampong Lambak, naib johan, Penduduk-Penduduk Kampong Pudak dan tempat ketiga, Ahli-ahli Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis.

Bahagian Jabatan-jabatan Kerajaan dan Firma, johan dimenangi oleh Jabatan Pasukan Bomba, naib johan Jabatan Laut dan tempat ketiga, bahagian Kerahan Tenaga Awam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Bahagian Persatuan Kebajikan dan Belia, johan dimenangi oleh Persatuan Kampong Saba, naib johan PUTRA SENI dan ketiga Persatuan AKSE.

Bahagian Kereta Berhias johan dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya. Naib Johan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik dan ketiga, Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Bahagian Pakaian Beragam 16 tahun ke bawah, johan ialah Awang Rosaini bin Umar, naib johan Awang Abu Hassan bin Ahim dan tempat ketiga, Awang Mohd Sabri bin Haji Ahmad.

Bahagian Pakaian Beragam 17 tahun ke atas, johan ialah Awang Tuah bin Tamin, naib johan ialah Awang Ramli bin Haji Raini dan tempat ketiga Awang Damit bin Haji Kassim.

# LAWATAN SAMBIL BELAJAR

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Seramai kira-kira 22 orang penuntut dari Skim Latihan Bekerja Jabatan Pelajaran baru-baru ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ke perkhemahan ini dengan diringi oleh dua orang pegawai dari jabatan tersebut.

Di awal acara lawatan mereka telah menerima penerangan ringkas berkenaan dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang disampaikan oleh Lt. Haji Abu Bakar. Seterusnya mereka dibawa melawat ke Muzium pasukan itu dan menerima penerangan berkenaan dengan Cawangan Latihan Semboyan yang disampaikan oleh Mejar Haji Mohd Jaafar.

Dengan menaiki pesawat helikopter rombongan penuntut itu seterusnya dibawa melawat ke Squadron 2 dan 3 di Berakas Garison dan di sebelah petang rombongan tersebut dibawa meninjau lebih dekat lagi akan perkembangan dan keadaan Angkatan Tentera Laut yang berpengkalan di Muara.



SEBAHAGIAN dari rombongan penuntut Skim Latihan Bekerja Jabatan Pelajaran sedang menerima penerangan berkenaan dengan alat-alat perhubungan Cawangan Semboyan. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

# PERANAN PARA IBU UNTUK MENDIDIK ANAK-ANAK



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli Kelab Ibu-Ibu Sekolah Nusa Laila Puteri serta jemputan-jemputan khas yang menghadiri majlis tersebut. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



DONDANG Brunei Asli adalah salah satu persembahan yang dipersembahkan di majlis perjumpaan Hari Raya anjuran kelab Ibu-Ibu Sekolah Nusa Laila Puteri. Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis perjumpaan Hari Raya anjuran Kelab Ibu-Ibu Sekolah Nusa Laila Puteri telah berlangsung di Dewan Pusat Belia di ibu negara Jumaat lepas.

Tetamu kehormat, Datin Edah binti Haji Mohd Noor, dalam ucapannya berkata, bahawa penubuhan Kelab Ibu-Ibu bagi sekolah ini adalah sesuai memandangkan arus pembangunan negara yang begitu rancak ketika ini.

Katanya, peranan ibu-ibu adalah sangat diperlukan dalam membimbing anak-anak ke arah kemajuan kerana melalui pendidikan serta pendedahan mereka kepada perkara-perkara kebajikan itulah yang akan menentukan sifat-sifat serta watak-watak mereka yang bakal menjadi anggota masyarakat akan datang.

Menurutnya, perkara itu tidaklah dapat dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah semata-mata tetapi peranan kaum ibu yang tersendiri itulah penting.

### MENGERATKAN

Kelab Ibu-ibu Sekolah Nusa Laila Puteri ditubuhkan oleh ibu-ibu murid-murid sekolah ini untuk mengeratkan hal-ehwal kebajikan dan pendidikan murid yang bersekolah di sini, jelas Sharifah Nor binti Sheikh Ibrahim, Pengetua Sekolah Nusa Laila Puteri dalam ucapan alu-aluannya.

Beliau penuh berharap dengan tertubuhnya kelab ini nanti akan dapatlah kaum ibu-ibu dan guru-guru bersama-sama melaksanakan cita-cita mereka bagi kemajuan anak-anak yang bakal menjadi generasi yang lebih berpendidikan dan berilmu pengetahuan.

"Sekolah ini akan sentiasa terbuka untuk kunjungan ibu bapa bagi membincangkan hal-hal pendidikan dan pelajaran anak-anak mereka, biarlah sekolah ini dijadikan pusat dan institusi masyarakat bagi mengembangkan ilmu pengetahuan," jelas beliau.

Bagi menyerikan lagi majlis petang itu, berbagai persembahan nyanyian, berbalas pantun, persembahan Dondang Brunei Asli telah dipersembahkan oleh ahli-ahli kelab serta murid-murid Sekolah Nusa Laila Puteri.

Majlis perjumpaan Hari Raya ini adalah merupakan aktiviti yang pertama kalinya diadakan oleh kelab ini untuk menyatukan ibu-ibu dengan guru-guru dalam suasana persaudaraan dan persefahaman yang tulus ikhlas.

# Majlis meraikan bakal-bakal haji

BERAKAS. — Beberapa acara keugamaan masih lagi diadakan di negara ini khusus bagi bakal-bakal haji yang akan menunaikan rukun tersebut menjelangnya musim haji tahun ini.

Ke arah itu satu majlis doa selamat bagi bakal-bakal haji Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi tahun ini telah berlangsung di Madrasah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di sini minggu lepas.

Seramai 64 orang bakal-bakal haji angkatan itu termasuk anggota-anggotanya yang telah bersara telah diraikan pada malam itu.

Majlis tersebut dimulakan dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah dan diikuti pula dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Majlis YDM Pehin Datu Maharajalela Lt. Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Musa.

Majlis pada malam itu diteruskan dengan bacaan Surah Yassin beramai-ramai dan penyampaian sumbangan hadiah 'Jiwa Murni' oleh tetamu kehormat YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit kepada bakal-bakal haji angkatan tersebut.



GAMBAR memperlihtkan para jemputan khas dan anggota ABDB yang diraikan membaca surah yassin beramai-ramai. — Gambar Ak Abu Bakar.

## Berkursus di England

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang Pegawai Kanan dan dua orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos, kini berada di luar negeri bagi mengikuti kursus.

Awang Adanan bin Haji Hanafiah, Timbalan Ketua Pos Agung, akan mengikuti kursus Pengurusan Pos Antarabangsa (International Postal Management Course) di Postal Management College, Rubgy di England, selama lebih kurang 5 bulan iaitu secara Latihan Dalam Perkhidmatan.

Sementara itu Awang Mail bin Said dan Awang Abd Kifli bin Mohamad mengikuti kursus Posmen di Institut Latihan Pos, Medan Tuanku, Kuala Lumpur, Malaysia selama lebih kurang empat minggu.



AWANG Adnan



AWANG Bini

## Kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai dari Pejabat Pencen-Pencen Negara kini berada di Kuala Lumpur bagi menghadiri kursus Penempatan Praktikal di Bahagian Social Development Kementerian Kebajian Am Malaysia selama lebih kurang satu bulan. Mereka ialah Pg Haji Sulaiman bin Pengiran Buntar, Pegawai Pencen-Pencen dan Mohd Limbang bin PLW Pg Haji Yussof, Pegawai Pencen-Pencen.



Awang Nawi

# PERTUNJUKAN PAKAIAN NEGARA-NEGARA ASEAN

SATU majlis pertunjukan pakaian kebangsaan negara-negara Asian yang dianjurkan oleh Persatuan Isteri-isteri Diplomat Asing di Kaherah (ADWA) telah berlangsung pada bulan lalu di kediaman Duta Besar Jepun di Kaherah.

Majlis itu telah dihadiri oleh kira-kira 100 orang termasuk para isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan Mesir, para isteri Duta Besar serta para isteri pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam dan lain-lain negara Asian.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah isteri kepada Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Mesir, Puan Esmat Abdel Magid.

Negara kita telah mempertunjukkan pakaian pengantin yang digayakan oleh dua orang penuntut Negara Brunei Darussalam di Kaherah Mesir, dan lain-lain negara yang mempertunjukkan pakaian kebangsaan masing-masing ialah termasuklah Negara India, Bangladesh, Pakistan, Malaysia, Indonesia, Filipina, Korea, Jepun, Sri Lanka dan Republik Rakyat China.

## Peraduan Silat dan Kuntau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Silat dan Kuntau Peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Pusat Belia pada malam Khamis lepas.

Bahagian Silat telah dimenangi oleh Awang Haji Munaf bin Haji Ibrahim dari Kampong Saba Darat 'A'. Manakala dalam bahagian Kuntau pula telah dimenangi oleh Pengiran Tejudin bin Pengiran Md. Salleh dari Kampong Burong Pingai Berakas.

Setiausaha Tetap (Pentadbir), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup telah menjadi tetamu kehormat di majlis itu dan telah berkesudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada peserta-peserta.

Terdahulu dari itu, majlis telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan Ketua Jawatankuasa Peraduan, Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim.




# KAKITANGAN HAL EHWAL AWAM SHELL IKUTI KURSUS

KAKITANGAN Jabatan Hal Ehwal Awam telah diberikan seminar selama tiga hari bertempat di Bilik Pameran Jabatan Hal Ehwal Awam Shell minggu lalu.

Seminar tersebut telah dikendalikan oleh Malcolm William dari Group Public Affairs Training and Regional yang berada di Brunei awal bulan ini.

Dalam seminar itu, para peserta telah diberikan penerangan-penerangan mengenai peranan dan fungsi hal-ehwal awam dan kemudiannya diikuti dengan kerja sindiket.

Bengkel yang juga dihadiri oleh Pengurus Hal Ehwal Awam, Awang Mohamed Zaini bin Haji Omar itu berakhir pada 12 Julai 1985



GAMBAR atas menunjukkan kakitangan Hal Ehwal Awam Shell Brunei yang menghadiri seminar yang diadakan di Bilik Pameran Jabatan Hal Ehwal Shell selama tiga hari.

## Sokong kebudayaan negara kita

PEKERJA-PEKERJA telah diminta untuk terus memberi sokongan terhadap perkembangan kebudayaan Negara Brunei Darussalam.

Ini telah disaran oleh Pengarah Teknikal Syarikat, Wim Steenken dalam ucapan beliau di Malam Kebudayaan dan Aidil Fitri yang diadakan di kelab Ria Shell Brunei pada hari Sabtu, 6hb Julai, di mana beliau ialah tetamu kehormat di perjumpaan tersebut.

Beberapa persembahan kebudayaan telah dipersembahkan oleh Bahagian Kebudayaan Melayu BSRC dan ini termasuklah tarian-tarian kebudayaan Melayu dan juga persembahan seni mempertahankan diri. Majlis perjumpaan bermula dengan ucapan oleh Yang Dipertua Bahagian Kebudayaan Melayu, Awang Ramli Kimong.

Pengarah Teknikal menekankan yang adalah menjadi hasrat Syarikat untuk melihat penglibatan para pekerja dalam perkara-perkara sosial dan budaya negara ini disamping penglibatan mereka dalam operasi perusahaan minyak. Penubuhan BSRC dengan kemudahan-kemudahan yang baru dan lebih baik, tambahnya, adalah bukti yang nyata terhadap pencapaian hasrat ini.

"Syarikat penuh percaya bahawa para pekerja mempunyai tanggungjawab sosial terhadap negara ini dan juga sumbangan-sumbangan yang cukup terhadap perkembangan kebudayaan yang unik pada

umumnya di Brunei pada ketika ianya dengan giatnya memperkembangkan dan mengukuhkan keujudannya dimata dunia luar. Saya berharap para pekerja akan merasa bangga menjadi sebahagian darinya dan terus menyokong perkembangan kebudayaan Brunei."

"Malam ini hanyalah langkah permulaan kegiatan tersebut dan syabas kepada jawatankuasa penganjur. Saya harap para hadirin akan bergembira pada malam ini."

Di antara mereka yang hadir ialah Awang Mat Suny Haji Hussein, Pengurus Perkhidmatan-Perkhidmatan Kakitangan dan Organisasi Derek Wright, Pengurus Operasi dan Renny Snell, Pengurus Kejuruteraan.

## Sistem pembahagian air minum dibaiki

KEMUDAHAN tangki air dan pengepam telah pun dipasang di Jalan Nakhoda Ragam di Kuala Belait (berhadapan dengan Rumah Sakit Suri Seri Begawan). Projek sedemikian adalah merupakan sebahagian dari projek EPS/2 untuk memperbaiki sistem-sistem pembahagian air minum dan industri.

Tangki air ini direkabentuk bagi memperbaiki tekanan pembekalan air kepada 160 buah rumah BSP di Kuala Belait dan juga Pejabat-Pejabat SMR dan SSU.

Masalah tekanan-tekanan rendah pembekalan air bagi para pengguna yang lain di Kuala Belait akan dapat diselesaikan apabila projek pembaikan itu siap nanti.

Penambahan BSP terhadap sistem tersebut telah direkabentuk oleh EDE dengan menggunakan sumber-sumber dalam dan penggunaan semula telah dibuat dari peralatan yang dibaiki semula yang ada untuk mencapai satu penyiapan yang awal.

Projek yang mengambil masa enam bulan itu telah dimulakan dari peringkat mereka sehingga membaiki dan mengecat tangki-lebihan dan pembinaan dengan menggunakan pemborong-pemborong tempatan.



SALAH satu tarian asli Brunei yang dipersembahkan pada malam tersebut.

## Majlis penyampaian hadiah

SATU majlis penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang Peraduan Fotografik Salam dan juga penyumbang ruangan cerpen telah diadakan di Kelab Ria Shell Brunei pada hari Jumaat 5 Julai yang lalu.

Mohammad Sharif bin Haji Naweh, Pegawai Hal Ehwal Masyarakat dalam ucapannya antara lain menekankan bahawa peraduan tersebut diadakan adalah semata-mata untuk menggalakkan para pekerja di syarikat berkenaan supaya mengambil bahagian dalam terbitan Salam. Gambar bawah menunjukkan Awang Mohammad Sharif menyampaikan hadiah kepada Awang Mohammed Suria Mohammed Ariffin dari FOS.



## KURSUS BAHASA MELAYU PEGAWAI BSP

KURSUS-kursus Bahasa Melayu bagi pegawai-pegawai kanan BSP dan Brunei LNG yang bukan Melayu serta isteri-isteri mereka yang dianjurkan oleh Jabatan Latihan (PTR/25) bermula jam 4.30 petang hingga 6.00 petang.

Peringkat pertama kumpulan A — Kelas-kelas akan diadakan pada hari Isnin dan Rabu bermula 5 Ogos hingga 11 September.

Dalam peringkat pertama (kumpulan B) kelas-kelas akan diadakan pada hari Selasa dan Khamis bermula 6 Ogos hingga 12 September.

Dalam peringkat kedua, kelas-kelas akan diadakan pada hari Isnin dan Rabu bermula 5 Ogos hingga 11 September. Sementara peringkat kelas-kelas akan diadakan pada hari Jumaat 9 Ogos hingga 13 Sepetember.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pertanian Kementerian Pembangunan

TAWARAN-Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 21 Ogos, 1985 bagi perkara-perkara berikut: —

JP BIL. 14/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA DIMECRON EC 50% AI
JP BIL. 15/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA TAMARON EC 50% AI
JP BIL. 16/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA SEVIN WP 85% AI
JP BIL. 17/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA LANNATE SP 90% AI
JP BIL. 18/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA DIPTEREK SP 95% AI
JP BIL. 19/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA DILDREX EC 15% AI
JP BIL. 20/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA GAMMA BHC WP 25% AI
JP BIL. 21/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA CURRATEUR 3G 3% AI
JP BIL. 22/1985: MEMBEKAL RACUN SERANGGA CHLORDANE EC 30% AI
JP BIL. 23/1985: MEMBEKAL RACUN CENDAWAN BAVISTIN WP 50% AI
JP BIL. 24/1985: MEMBEKAL RACUN CENDAWAN DITHANE M45 WP 80%
JP BIL. 25/1985: MEMBEKAL RACUN CENDAWAN BENLATE WP 50% AI
JP BIL. 26/1985: MEMBEKAL RACUN RUMPUT ROUND UP EC 30.5% AI
JP BIL. 27/1985: MEMBEKAL RACUN RUMPUT PARAQUAT SPECIAL EC 23% AI
JP BIL. 28/1985: MEMBEKAL RACUN 2,4-D AMINE EC 60% AI
JP BIL. 29/1985: MEMBEKAL MESIN POWER-TILLER
JP BIL. 30/1985: MEMBEKAL MESIN SELF-PROPELLED REAPER
JP BIL. 31/1985: MEMBEKAL MESIN CATTLE CRUSH
JP BIL. 32/1985: MEMBEKAL MESIN HYDRAULIC EXCAVATOR 0.4 CU M
JP BIL. 33/1985: MEMBEKAL MESIN DUAL PURPOSE LIVESTOCK TRAILER
JP BIL. 34/1985: MEMBEKAL MESIN SOD HARVESTER
JP BIL. 35/1985: MEMBEKAL MESIN CATTLE SPRAYRACE
JP BIL. 36/1985: MEMBEKAL MESIN DISC MOWER
JP BIL. 37/1985: MEMBEKAL MESIN CONVENTIONAL BALER
JP BIL. 38/1985: MEMBEKAL MESIN HIGH SPEED ROTARY DITCHER
JP BIL. 39/1985: MEMBEKAL MESIN 3.5-TON TIPPING TRAILER
JP BIL. 40/1985: MEMBEKAL MESIN ROTAVATOR
JP BIL. 41/1985: MEMBEKAL MESIN REAR MOUNTED BUCKRAKE
JP BIL. 42/1985: MEMBEKAL MESIN FRONT END MOUNTED DOZER
JP BIL. 43/1985: MEMBEKAL MESIN AUTOMATIC WEIGHERS
JP BIL. 44/1985: MEMBEKAL MESIN TRAKTOR (TRACTOR)
JP BIL. 45/1985: MEMBEKAL MESIN LODO TRACKS FOR MF TRACTOR
JP BIL. 46/1985: MEMBEKAL MESIN ROTARY DITCHER WITH ENGINE
JP BIL. 47/1985: MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI BAGI FORD 4000
JP BIL. 48/1985: MEMBINA PAGAR KESELAMATAN SEMAIAN RIMBA, GADONG
JP BIL. 49/1985: MEMBEKAL POKOK-POKOK HIASAN
JP BIL. 50/1985: MEMBEKAL MESIN PENGISAR PADI (SMALL RICE MILL)
JP BIL. 51/1985: MEMBEKAL ALAT MENEBAH PADI (PADI THRESHER)
JP BIL. 52/1985: MEMBEKAL POKOK DURIAN LAKOM/SANDING
JP BIL. 53/1985: MEMBEKAL BENIH KELAPA "MAWA"
JP BIL. 54/1985: MEMBEKAL KERATAN LADA SULAH
JP BIL. 55/1985: MEMBEKAL RACUN TIKUS

Cagaran untuk tawaran-tawaran di atas ialah $100.00.

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran yang diteriwa lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran tersebut.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan), Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN JUALAN LELONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DENGAN ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Jua'an Lelong bagi barang-barang yang disebutkan di bawah ini akan diadakan di kawasan Kastam, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 5 Ogos, 1985 pukul 9.00 pagi.

Penangkap-penangkap lelong yang berjaya adalah dikehendaki membayar dengan wang tunai dan seterusnya memindahkan barang-barang tersebut secepat mungkin.

### NOTICE AUCTION SALE

NOTICE is hereby given that an Auction Sale of the follpwing goods will be held at Customs Compound, Bandar Seri Begawan on Monday 5th August, 1985.

The successful bidder will be required to pay cash and to remove the goods from the site as quickly as possible.

### JADUAL / SCHEDULE

| Quantity and Type of Goods | Name of Importer or Marking |
|---|---|
| 154 Pcs Plastic Container | Osyus Ent |
| 1 Unit Truck Suspension | Unknown |
| 1 Unit Fibre Glass Boat | Unknown |
| 1 Case Polyvinyl | Unknown |
| 4 Drum Propanol Point | Unknown |
| 1 Unit Oven | Unknown |
| 6 C/S Paint/Bolt and Nuts | H.A.B.E.Y. |
| 1 Unit Conopy | Unknown |
| 1 Unit Oven | Unknown |
| 3 Rolls Wire Rod | Unknown |
| 1 Case Lweekes Parts | Unknown |
| 1 Case Motor Car Tubes | Guan Ho Hin |
| 3 Ctns Aluminium | Unknown |
| 1 Lot Gt Steer Plate | Unknown |
| 1 Lot Aluminium Rail | Unknown |
| 2 Units Valve | Unknown |
| 1 Unit Car Rear Suspension | Unknown |
| 1 Bag Bolt dan Nuts | Unknown |
| 4 Ral Golv Wire | Unknown |
| 1 Lot Speel Pipe | Unknown |
| 3 Bols Manilla Paper | BST Muara |
| 8 Pcs Exhaust Pipe | Unknown |
| 48 Pcs Slinger | Unknown |
| 40 Kempang | SHKT Haji Marmor |
| 1 Ctn Tractor Parts | Unknown |
| 1 Lot Spring | Unknown |
| 1 Lot Steel Roller | Ocean Quarry |
| 1 Lot Caterpiller Parts | Unknown |
| 1 Ctn Wire Brushes | Unknown |
| 12 Wall Paints | Unknown |
| 3 Cts Envelopes Cards | Aik Be Company |
| 2 Pcs Cylinder | Unknown |
| 1 Set Safety Belt | Champion Ton Co |
| 1 Ctn Cement Addituie | DM Consuji Inc |
| 1 Pce Car Front Frame | Unknown |
| 1 Pce Car Grill | Unknown |
| 2 Rolls Hose | Unknown |
| 4 Ctns Hearing Protection | Unknown |
| 2 Units Air Con Part | Unknown |
| 1 Case Stationery | Unknown |
| 3 Cases Auto Spare Parts | ADCP L/S.S.C. Brunei |
| 1 Ctn Auto Spare Parts | Unknown |
| 1 Ctn Spare Parts | Bob Smith |
| 17 Ctns Music Assoueries | Unknown |
| 1 Ctn Electric Lamp | Unknown |
| 11 Books | New City Store |
| 7 Books | Bismi Trading |
| 8 Lady Shoe | Medo Shoes |
| 1 Lot Text Book | Unknown |
| 4 Ctn Carpet Detergent Extractor | Unknown |
| Empty Plastic Gallon | Unknown |
| 1 Ctn Electric Bulbs | Chen Hong |
| 1 Ctn Bottle Opener | Unknown |
| 1 Ctn Aluminium Pot | HC. C. Brunei |
| 1 Ctn Aluminium Pot | Unknown |
| 1 Pce Car Rim | Unknown |
| 6 Slincers | Unknown |
| 1 Pce Tank | Unknown |
| 3 Pcs Copper Tube | Unknown |
| 3 Pcs Electric P.V.C. | C.S.N.K. |
| 6 Pkgs Powder | Unknown |
| 1 Case Scissors | Cariton (1587) |
| 2 Ctn Headed Bolts Screw | Unknown |
| 1 Cs Flourscent Light | C.R.S. Brunei |
| 2 Ctns Cross T. Bars | L.H.M. Brunei |
| 2 Ctns Auto Parts | Unknown |
| 1 Unit Safe | F.S.O. HK 1716 |
| 4 Units Auto Part | Unknown |
| 3 C/S Cleaner | Unknown |
| 3 Ctn Empty Plastic | Mr Chan Chee Way |
| 1 Pce Car Spring | Unknown |
| 1 Ctn Rubber E/Bow | Unknown |
| 1 Case Clips | Penil Sheel |
| 4 Cases Electric Goods Moulaer Box | Kam E.C.B.S.B. |
| 1 Case Electric Goods | Kam Elect Co. B |
| 4 Rolls Carpet | N.K.S.M. Brunei |
| 1 Ctn Stools | Unknown |
| 2 Ctn Furniture | KHF B.S.B. |
| 1 Ctn Plastic Container | SKT. Kim Lee Hong |
| 8 Ctn Glove Solven | Unknown |
| 1 Ctn Iron Wire Nail | Unknown |
| 391 Ctns Heinekan Beer, Tsing Tao Beer, Tiger Beer, Carlberg Beer, Anchor Beer | Unknonw |
| 124 Ctns Guinness Stout | Unknonw |
| 79 Bottles Martell, Martell Cordon Bley, Martell Cordon Cognac | Unknown |
| 28 Bottles XO Cognac Hennessy, Hennessy Three Star | Unknown |
| 3 Bottles Dam Benedictine | Unknown |
| 2 Bottles Special Quality Sawpinensaw | Unknown |
| 1 Bottle Juang Yuan Hung | Unknown |
| 4 Bottles Remy Martin | Unknown |
| 5 Bottles Courvoiser VSOP | Unknown |
| 10 Bottles Red Lab Le | Unknown |
| 44 Bottles Samsu China | Unknown |
| 12 Bottles Gh Mummlco Reims | Unknown |
| 2 Bottles Wincarnis Tonic Wine | Unknown |
| 3 Bottles Lenlogie Blended Scotch Whiscoy, Black and White Scotch Whisky | Unknown |
| 1 Bottle Martine Iles Sparkling Cider | Unknown |
| 1 Bottle Dolley Tst Brandy | Unknown |
| 1 Bottle Four Seasons Whisky | Unknown |
| 1 Bottle Vickers Gin | Unknown |
| 6 Bottles Nap Valley Point Noir | Unknown |
| 1 Bottle Otard XO Cognac | Unknown |
| 3 Bottles Vat 69 | Unknown |
| 6 Bottles La Tour De Bonnet | Unknown |
| 1 Bottle Pernod Fils | Unknown |
| 1 Bottle Michel Schneider | Unknown |
| 2 Bottles Ron Bacardi Superior | Unknown |
| 1 Bottle Lampari | Unknown |
| 6 Bottles Cordier Saint Emilion | Unknown |
| 1 Bottle Smirnoff Vodka | Unknown |
| 1 Bottle Ronrico Puerto Rican Rum | Unknown |
| 2 Bottles Wederburg Stein | Unknown |
| 3 Bottles Chateau De La Tour | Unknown |
| 875 pcs Plywood | Unknown |
| 1420 pcs National NVE — 120 Cassete Tape, National NVE — 180 Cassette Tape, Maxwell Cassette Tape | Unknown |
| 2 Units National Video Cassette | Unknown |
| 20 Pcs Miniphone MH 100 | Unknown |
| 29 Pcs Telephone | Unknown |
| 10 Pcs Mixcer | Unknown |
| 4 Pcs Mixcer Philip | Unknown |
| 4 Pcs National Blender | Unknown |
| 12 Pcs Moulinex Blender | Unknown |
| 14 Pcs Odorono | Unknown |
| 4 Ctn Hair Tonic | Unknown |
| 17 Ctns Nail Varnishes | Unknown |
| 12 Ctns Playing Card | Unknown |
| 1 Ctn Recopy Solvent | Meg B.S.B. |
| 1 Ctn Tile | Unknown |
| 1 Ctn Mazda Spare Parts | Muda Seri Muara |
| 1 Ctn Spring | Gadong Gas Turbine |
| 1 Ctn Animal Chain Set | MDCK Brunei |
| 1 Ctn T–Valve | Unknown |
| 1 Ctn Brass Lock Cocks | Eng Hua |
| 1 Ctn Joss Paper | Y.Y. Brunei |
| 4 Ctns Nayam Dental Cream | Unknown |
| 1 Ctn Sheaffer Boxes | BCBL |
| 1 C/S Plastic Sheet | Stammon Optic |
| 1 C/S Ring Book | Unknown |
| 1 C/S Note Book | Unknown |
| 3 Units Air Compressor | Unknown |
| 11 Pcs Daihatsu Spare Parts | G.H.K.N. Brunei |
| 1 Ctn Shirts | Unknown |
| 69 Units Empty Gas | T.HE/R.P.T.W.S. Brunei |
| 1 C/S Dunlop Golf Ball | Unknown |
| 1 Lot Chair Frame | Unknown |

## SUPPLY TO VEHICLES TO GURKHA RESERVE UNIT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam for the supply of the following vehicles: —

a) One (1) Unit 38 Seater Bus 4 × 2 6557 cc Diesel Engine.
b) One (1) Unit 25 Seater Bus 4 × 2 2000 cc Petrol Engine.
c) One (1) Unit 15 Seater Bus 4 × 2 2000 cc Petrol Engine.

2. All vehicles to be provided with safety belts for front seats, standard tool kits and Fire Extinguishers.

3. All vehicles are required to be finished with three coats of Gurkha Reserve Unit Green Paint.

4. All vehicles to be quoted with and without 'Tuff Kote'.

5. All vehicles to be quoted on "CIF" Brunei basis.

6. Date of delivery to be stated.

7. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication name of the tenderer. The envelope should be marked "SUPPLY OF VEHICLES TO GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.

8. Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 19 August, 1985.

9. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL.: PPL/MTB/109/85**

Tajuk kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN LOGI HAWA DINGIN DI PEJABAT HAL EHWAL UGAMA, BANGUNAN KASTUM LAMA DAN BANGUNAN LETAK KERETA BERTINGKAT, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" dan "B" sahaja (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/110/85**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BLOK PENTADBIRAN DI SEKOLAH MELAYU S.U.A.S., MUARA.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/111/85**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK DEWAN MAKAN DI SEKOLAH RENDAH MELAYU TUMPUAN TELISAI, TUTONG.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/112/85**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK 4 UNIT BARIK PEKERJA-PEKERJA SALURAN NAJIS TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/39/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 70 BUAH PERUMAHAN PERPINDAHAN DI KAMPONG LAMBAK KANAN (PERINGKAT II/AA), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $300.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/40/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 88 BUAH PERUMAHAN PERPINDAHAN DI KAMPONG LAMBAK KANAN (PERINGKAT II/AB), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $300.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/41/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN GUDANG KERTAS PUTIH BAGI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup: 26 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $300.00.

Kelayakan: Kelas A dan B (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/105/1985**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI STESEN JANAKUASA, SERIA DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/106/1985**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1986.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/107/1985**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI ISTANA KOTA MENGALLELA, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/108/1985**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT DARI 1 SEPTEMBER, 1985 HINGGA 30 OGOS, 1988.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 1985 jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

---

**BIL.: PPL/MTB/115/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

REINFORCEMENT OF LT SUPPLY SYSTEM AT KAMPONG PALU, TUTONG VIA INSTALLATION OF A MINI COMPACT SUBSTATION AND HIGH VOLTAGE / LOW VOLTAGE UNDERGROUND CABLE.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

---

**BIL.: PPL/MTB/116/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

PROPOSED OFFICE ACCOMMODATION FOR DISTRIBUTION STAFF AT GADONG STORE YARD.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

---

**BIL.: PPL/MTB/117/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 3 JALAN TUTONG POCKET UNIT SUBSTATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

---

**BIL.: PPL/MTB/118/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 4 JALAN TUTONG OUTDOOR SUBSTATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

---

**BIL.: PPL/MTB/119/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 2 JALAN TUTONG OUTDOOR SUBSTATION (GURKHA BARRACKS).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 September, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem. ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau manamana tawaran.

**BIL.: PROC/T/171/1985**

MEMBEKAL: CHEMICAL CLEANING FACILITY

Cagaran: $300.00.

**BIL.: PROC/T/172/1985**

MEMBEKAL: CAMOUFLAGE NET

Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/173/1985**

MEMBEKAL: DUMPER TRUCK BENFORD 3000

Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/174/1985**

MEMBEKAL: VEHICLE MECHANIC TOOL KIT

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/175/1985**

MEMBEKAL: BEDFORD TOOLS

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/176/1985**

MEMBEKAL: ZINC ANODES

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/177/1985**

MEMBEKAL: TARGET 25 METRE

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/178/1985**

MEMBEKAL: SUN BLIND

Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/179/1985**

MEMBEKAL: CANE FURNITURE

Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/180/1985**

MEMBEKAL: STRAP WRIST WO

Cagaran: $200.00

**BIL.: PROC/T/181/1985**

MEMBEKAL: GAS LANTERN

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/182/1985**

MEMBEKAL: MOTHER BOARD

Cagaran: $100.00.

**BIL.: PROC/T/183/1985**

MEMBEKAL: CUTLERY AND CROCKERY REGIMENTAL CRESTED

Cagaran: $300.00.

**BIL. P/RC/66**

MEMBEKAL: LAUNDRY TUTONG (Running Contract)

Cagaran: $300.00.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited from Locally Registered Companies in association with Local Printers for the compilation and publication of issues of the Brunei Telephone Directory.

2. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 26th August, 1985. Tenders received after the said date and time will be rejected.

3. Tenders should be submitted in plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR THE COMPILATION AND PUBLICATION OF ISSUES OF THE BRUNEI TELEPHONE DIRECTORY.

Tender Ref.: STS IIII bearing no indication of the tenderer.

4. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a payment of $500.00.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS

A) (DI JABATAN KEHUTANAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN).

(Bil.: 106/1985-1)

**Tanggagaji**: E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

B) (DI JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN).

(Bil.: 106/1985-2)

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT I

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 106/1985-3)

**Tanggagaji**: F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU KERETA TINGKAT II

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 106/1985-4)

**Tanggagaji**: F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di dakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosokan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan 11 (sebelas) dan pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

4. PENYELANGGARA STOR TINGKAT III

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 106/1985-5)

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau pun kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelanggara Stor bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan ketua jabatan boleh juga dipertimbangkan.

c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab.

d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

5. MERINYU HAL EHWAL UGAMA

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri)
(Bil.: 106/1985-6)

**Tanggagaji**: E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai Sijil Pelajaran Brunei atau sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi

d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang nyatakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam urusan-urusan Makamah atau hal-hal penyiasatan boleh juga dipertimbangkan

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 Ogos 1985.
(E/252/652)

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 3/1985

TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussa'am and must be placed into the Tender Box provided at the above address not later than 12.00 noon on Monday 12th August, 1985 for the Supply and Tailoring of Fire Brigade Uniforms. Tenders are required to quote prices per piece/suit for the supply and tailoring of the following uniforms: —

| | Supply of Material and Tailoring | Tailoring High Cost Material |
|---|---|---|
| **1. Blue Dungaree** | | |
| 1. 18″ Splitzip fastener jacket long sleeves with trousers | $ ......... per suit | $ ......... per suit |
| 2. 18″ Splitzip fastener jacket | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 3. Trousers for above | $ ......... per pair | $ ......... per pair |
| 4. Overall Dungaree | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| **2. Tunic Tet/Viscose Material** | | |
| 5. Tunic, short sleeve with trousers | $ ......... per suit | $ ......... per suit |
| 6. Tunic, short sleeve for above for officers | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 7. Tunic, long sleeve with trousers extra inner lining for officer No. 1 Dress (Dark Blue) | $ ......... per suit | $ ......... per suit |
| 8. Tunic, long sleeve for above | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 9. Trousers for above items | $ ......... per pair | $ ......... per pair |
| **3. White Decron or Tetron Viscose Material** | | |
| 10. Ceremonial Dress White Decron , | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 11. Mess jacket White Decron | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| **4. Black Decron With Maroon** | | |
| 12. Trousers black with maroon coloured strip on both sides | $ ......... per pair | $ ......... per pair |
| **5. Decron Green and Dark Blue Material** | | |
| 13. Shirt short sleeve for fireman | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 14. Trousers for above | $ ......... per pair | $ ......... per pair |
| **6. White Tetron and Sky Blue Material** | | |
| 15. Bajus for female cook and cleaners | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 16. Sarung for above | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| **7. White Drill Material** | | |
| 17. Shirt short sleeve for male cook and watchman | $ ......... per piece | $ ......... per piece |
| 18. Trousers for above | $ ......... per pair | $ ......... per pair |
| **8. Kipar Overall** | $ ......... per suit | $ ......... per suit |

Details of the Uniforms Material can be obtained from the Officer-in-Charge General Store, Fire Brigade Headquaters, Old Airport, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

All uniforms must be tailored within reasonable time to the satisfaction of the Controller of Fire Brigade, if not to his satisfaction, the uniforms will be returned to the contractor who will make the necessary improvements without extra charges.

Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Supplying Material and Tailoring of Fire Brigade Uniforms". The name of the tenderer must not appear on the envelope.

Tenders received after the abovementioned time will be rejected. The period of contract of the above tender is two years. Contract may be terminated by either party giving one month notice in writing.

The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

## PEMBERITAHUNAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN BIL.: JKP/11/1985

1. Nama Projek:

CADANGAN PERINGKAT I KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR KE ATAS RP/PN KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam
mulai hari Rabu 10 Julai hingga 3 Ogos, 1985.

3. Kelayakan pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran: $10,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150 (pelan).

5. Tarikh tutup: Hari Isnin 5 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:
Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat Empat,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahaw[illegible]mborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following items of telecommunication equipment to the Department of Telecommunications Brunei.

3M MAGNETIC TAPE LINE PRINTER AND TELETYPEWRITER PAPER/RIBBON.

Details of quantities and specifications can be obtained from the office of the Director of Telecommunications, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan against a deposit of $50.00 of the documents and receipt.

Tenders will be received by the Chairman Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon Monday 5th August, 1985.

Tenders should be submitted in plain sealed envelope marked: —

TENDER FOR MAGNETIC TAPE AND LINE PRINTER/TELETYPEWRITER PAPER. TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP

BIL.: (5) 1985

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1 Penentuan-penentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

2 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (5) 1985.

3 Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Bangunan Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam,
tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Ogos, 1985.

4 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 269 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas (Pengangkut Tanah) untuk:

PROJEK No.: AR407/2602

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH TIMBUS YANG DILULUSKAN BAGI CADANGAN KUALA LURAH/JALAN LIMBANG, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 270 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/10900

PEMBINAAN DAN PENYIAPAN PETI KALBAT KONKRIT TETULANG, PELBAGAI UKURAN PARIT KONKRIT TETULANG DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI SISTEM PENGALIRAN DI KAMPONG LIMBARUH BUNTAR (LOT 612) SIMPANG BATU 2, JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 5 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 271 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL065

PEMBINAAN SATU BLOK 2 TINGKAT PENTADBIRAN BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN ORANG KAYA BESAR IMAS, SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 5 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 272 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13811

CADANGAN PEMBINAAN SATU BLOK DAPUR BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN JUNJONGAN, JALAN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 3 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 7 Ogos, 985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 273 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD403/0601

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI PEMASANGAN ELEKTRIK, SISTEM LOCENG KEBAKARAN DAN PERKHIDMATAN TELEFON UNTUK CADANGAN KOMPLEKS PELANTAR IKAN DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $300.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 274 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. AD430/0101

PEMBINAAN DAN PENYEMPURNAAN CADANGAN BAGI MATARAH PENANDA LAUT BANJARAN DI BINTURAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 275 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 85AB/12100

CADANGAN SADAIAN PERAHU PASUKAN BOMBA DI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 276 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/07500

MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI PERUMAHAN-PERUMAHAN / RUMAH-RUMAH PANGSA KERAJAAN DI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM MASA TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 277 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14107

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN LELA MENCANAI, KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 278 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

KERJA-KERJA MEMBAIKI SEPENUHNYA, MENCAT DAN MENGATAP SEMULA SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'G' DI SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH BATU 1½, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 279 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/PEL038

PEMBINAAN BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN ORANG KAYA ALI WANIKA SETIA DIRAJA KUPANG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 280 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA SEMUA PEMBINAAN-PEMBINAAN YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PULAU BARU-BARU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 281 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 84AR/016

MEMBEKAL SATU (1) UNIT MOTOR GRADER.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 79 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL123

CADANGAN SURAU UNTUK SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## TENDER NOTICE
### SUPPLY OF DOG FOOD TO GURKHA RESERVE UNIT

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam for the supply of the following:—

"SCIENCE DIET CANINE PERFORMANCE — Dog Food. 20 lbs. Bags — Qty — 550 bags."

To be packed in strong 3 ply bags to prevent spillage and infestation and to be packed in wooden crates to ensure no damage during shipping.

2. Delivery is required in 4 instalments to arrive at Muara Port at 3 monthly intervals. The first instalment by 15 January, 1986.

3. All prices to be quoted on CIF Brunei.

4. Substitution is not accepted.

5. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "SUPPLY OF DOG FOOD TO THE GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.

6. Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 2 September, 1985.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to the lowest or any tender.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei ketika berangkat di mesyuarat dengan badan-badan sukan negara ini di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan. — Gambar oleh AK Bahar PHO.

# TINGKATKAN MUTU LATIHAN SUKAN

Oleh: Ahat Ismail

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda, badan-badan sukan di negara ini hendaklah berusaha meningkatkan mutu latihan masing-masing dalam menghadapi sesuatu kejohanan sukan.

Persatuan-persatuan sukan jelas Duli Yang Teramat Mulia hendaklah menimbang dengan teliti akan tahap dan kemampuan itu dengan mengadakan data-data catatan menerusi latihan serta perlawanan yang diadakan.

"Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menghantar peserta dan pasukan yang banyak jika mutu pencapaian mereka terlalu jauh jika dinilai dan dibandingkan dengan kebolehan peserta-peserta dan pasukan-pasukan negara lain," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda demikian dalam satu mesyuarat dengan badan-badan sukan di negara ini di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan di sini Khamis lepas.

Di mesyuarat tersebut Duli Yang Teramat Mulia menyatakan bahawa persatuan-persatuan sukan semestinya mempunyai skuad-skuad kebangsaan masing-masing serta mempunyai jadual latihan yang teratur dan consistent.

"Persediaan-persediaan ke arah ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, hendaklah dipandang serious kerana pemergian dan penyertaan dalam pertandingan sukan inilah sebagai mewakili Negara Brunei Darussalam."

Dalam mesyuarat tersebut Duli Yang Teramat Mulia penuh berharap supaya pegawai-pegawai dan ahli-ahli sukan dalam persatuan sukan masing-masing akan sentiasa mengambil berat dalam perkara tersebut kerana tanpa kerjasama sedemikian, hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam lapangan kemajuan sukan tidak akan tercapai.

Di mesyuarat tersebut para perwakilan badan-badan sukan telah membentangkan beberapa laporan dan perkembangan mengenai kegiatan mereka termasuk latihan yang dijalankan.

Mesyuarat pada hari itu juga telah dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Anak Safiuddin, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Putih bin Pengiran Haji Rajid, serta Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.

# Teknologi moden jalan utama proses pembangunan

TSUKUBA. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, Menteri Pembangunan penuh percaya bahawa pembangunan sosial, ekonomi dan teknologi semestinya berjalan bersama dengan proses memelihara kebudayaan dan identiti.

Berucap di Majlis Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Expo Plaza di sini pada hari Jumaat 19 Julai yang lalu, Menteri Pembangunan selanjutnya menekankan kerana sebab itulah pembangunan ekonomi dan sosial kita sentiasa menilaikan perkara-perkara yang penting itu.

"Dalam hal ini, kita merasa digalakkan bila menyaksikan Negara Jepun, negara yang jauh lebih maju dalam teknologi tetapi masih berupaya meneguhkan dan memelihara banyak dari kebudayaan dan tradisinya," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Menurut Menteri Pembangunan, penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Expo Tsukuba 1985 ialah untuk meningkatkan persefahaman dan mengketengahkan kebudayaan Brunei Darussalam dan cara kehidupan orang-orangnya kepada orang-orang Jepun khasnya, serta kepada orang ramai yang menyaksikan pameran ini.

### HASRAT

Pameran gambar-gambar dan lainnya di Pavilion Brunei Darussalam jelas Yang Dimuliakan Pehin adalah menjelaskan dengan terang cara kehidupan orang-orang Brunei yang mengandungi bersama kebudayaan turun-temurun dan penerimaan cara moden sesuai dengan kehendak negara yang menganggap teknologi moden sebagai jalan utama kepada pembangunan sosial.

"Tema penyertaan Brunei Darussalam 'Teknologi Dalam Harmoni Dengan Kebudayaan' benar-benar menyampaikan hasrat negara dan rakyatnya bagi menghasratkan dan nilai pembangunan dan identiti dalam dunia moden ini," tegas Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan.

Minat yang ditunjukkan oleh orang-orang Jepun di negara ini yang menyaksikan Pavilion Negara Brunei Darussalam, kata Yang Dimuliakan Pehin, sangatlah menggalakan.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman menegaskan bahawa pertalian antara Brunei Darussalam dengan Negara Jepun telah lama terjalin melalui hubungan ekonomi.

Jepun sebagai negara industri yang utama mengimpot minyak dan gas dari Brunei Darussalam dan sebagai timbal balik Brunei Darussalam mengimpot peralatan elektronik, alat-alat mesin dan pakaian ke Negara Brunei Darussalam.

### LEBIH ERAT

"Kita percaya hubungan dan penyatuan ini akan menjadi lebih erat dan bererti menerusi rasa saling faham-memahami dan menghormati kebudayaan dan tradisi negara masing-masing", jelas Yang Dimuliakan Pehin Menteri Pembangunan.

Tuan Yang Terutama, Tuan Katsuchi Ikawa dalam ucapan alu-aluannya di majlis itu berkata bahawa Negara Brunei Darussalam dan Jepun mempunyai hubungan yang erat di mana Jepun mengimpot 50% jumlah minyak dan gas negara kita.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Expo tersebut, jelas Tuan Katsuchi Ikawa memberikan gambaran yang jelas dan juga memperkenalkan Brunei Darussalam moden terutama sekali yang menyentuh ekonomi Negara Brunei Darussalam iaitu minyak dan gas.

Beliau percaya Pavilion Negara Brunei Darussalam memberikan kesan yang baik dalam mewujudkan kepercayaan mengenai dengan Negara Brunei Darussalam yang baru mencapai kemerdekaan kepada anak-anak muda di Negara Jepun.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Pembangunan ketika berucap dalam Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Expo Plaza, Tsubuka Expo 1985.

## Pendaftaran dibatalkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Dalam Negeri mengisytiharkan bahawa Syarikat Kerjasama Pa'Tani Kampong Beribi Dengan Tanggungan Berhad telah dibatalkan pendaftarannya di bawah kuasa Bab 37 dari Undang-Undang Syarikat Kerjasama, 1975.

Menurut Pemangku Pendaftar Syarikat-Syarikat Kerjasama, mana-mana si piutang (Creditor) yang mempunyai tuntutan ke atas syarikat tersebut hendaklah menyatakan tuntutan mereka kepada Pendaftar Syarikat-syarikat Kerjasama dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan ini disiarkan. Selepas itu tuntutan tidak akan dilayani.

## Para belia diingat:

# JANGAN TERPENGARUH DENGAN DADAH

BERAKAS. — Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad mengingatkan belia-belia supaya sentiasa beringat-ingat tentang pengaruh dadah kerana para belia merupakan sasaran utama bagi pengedar dan penyalahgunaan dadah melaksanakan kegiatan mereka.

"Belia dan beliawanis katanya, hendaklah meningkatkan kewaspadaan pada menghindarkan diri masing-masing dari dipengaruhi oleh gejala-gejala dadah serta sentiasa ingat kepada Allah dan perintah-Nya."

Berucap ketika merasmikan Kejohanan Olahraga Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab kali ke-18 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini Ahad lepas Awang Abd. Razak seterusnya menyeru pelajar-pelajar di negara ini supaya mengisikan masa dengan perkara yang bermanfaat, selain melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tambahan di sekolah (ECA).

"Semua kegiatan-kegiatan ini adalah berguna pada memupuk kesetiaan, rasa kasih dan cinta terhadap raja dan negara" jelasnya.

### AKTIVITI SEKOLAH

Menyentuh mengenai lapangan olahraga, Jabatan Pelajaran dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan sekarang kini menjadikannya sebagai salah satu aktiviti yang diwajibkan di sekolah-sekolah.

Menurut beliau lapangan sukan di sesebuah negara adalah bermula dari sekolah-sekolah dan sebilangan besar para athlit negara sekarang bermula dari asas latihan yang diberikan oleh sekolah-sekolah.

"Sebahagian mereka ini jelas beliau, menjadi bintang-bintang sukan negara mereka dan secara langsung mengharumkan nama negara di sukan-sukan antarabangsa".

Bercakap mengenai disiplin, beliau menyatakan iannya merupakan perkara penting dalam bersukan. Dengan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan itu, seseorang ahli sukan akan menjadi athlit yang baik dan berjaya.

"Ekoran dari mendisiplinkan diri, seperti mengikuti peraturan-peraturan dan latihan yang saya sebutkan tadi, maka dapatlah sekolah-sekolah menghasilkan rakyat yang berdisiplin, sihat dan patuh mengikuti peraturan-peraturan dan undang-undang negara," tegas beliau.

## Perarakan cucul di air

Dari muka 1

Sebanyak 20 kenaikan di air menyertai perarakan itu yang bermula dari perairan Kampong Sungai Lampai seterusnya melintasi di hadapan dermaga Kastam dan Eksais Diraja dan berakhir di perairan Istana Nurul Iman.

Peserta-peserta perarakan terdiri dari bahagian perseorangan sebanyak dua buah, bahagian kampung-kampung tiga buah, bahagian kumpulan persatuan-persatuan atau firma-firma dua buah, bahagian jabatan-jabatan Kerajaan tujuh buah dan persembahan sebanyak enam buah.

Perarakan Kenaikan Bercucul di air merupakan salah satu acara tahunan yang menarik sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.